

LAPORAN TAHUNAN 2004




uni
LG
173
K63
U58
2004

KANDUNGAN

Visi dan Misi	1
Tadbir Urus	2 - 3
Canselor	
Pro-Canselor	
Lembaga Pengarah	4
Pegawai Utama Pengurusan	5
Jawatankuasa Pengurusan Universiti	
Senat	6 - 7
Laporan Naib Canselor	8 - 9
Pengajaran dan Pembelajaran	10 - 12
Fakulti dan Program	13 - 14
Penyelidikan dan Khidmat Akademik	15 - 20
Pemajuan dan Hal Ehwal Pelajar	21 - 22
Laporan Fakulti	23 - 35
Laporan Institut	36 - 42
Laporan Pusat	43 - 47
Anugerah	48
Sumber	49 - 53
Laporan Kewangan	54 - 91
Aktiviti Utama Universiti Sepanjang Tahun 2004	92 - 93
Panel Penasihat Antarabangsa	94
Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan	95

Kata depan
oleh
Ahmad Azaini Abidin Manaf
Fakulti Seni Gunungan dan Kreatif



VISI

Untuk menjadi sebuah universiti contoh
serta diiktiraf di peringkat
antarabangsa; dan institusi pengajian
tinggi yang menjadi pilihan utama
golongan pelajar dan akademik melalui
pencapaian cemerlang dalam bidang
pengajaran, penyelidikan dan
kesarjanaan


MISI

Untuk menjana, menyebar dan menerap
ilmu secara strategik dan inovatif bagi
memperkasakan kualiti budaya bangsa
dan kemakmuran masyarakatnya



PERMINTA
SARAWAK

SARAWAK



CANSELOR

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATUK PATINGGI
ABANG HAJI MUHAMMAD SALAHUDDIN**



PRO-CANSelor

**YANG AMAT BERHORMAT
PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD**

LEMBAGA PENGARAH



YBhg Tan Sri Datuk Amar Hj Bujang Mohd Nor - **Pengerusi**
*Pengerusi Eksekutif
Harwood Timber Sdn Bhd*



YBhg Prof Datuk Dr Yusuf Hadi - **Ahli**
*Naib Canselor (sehingga 30 Julai 2004)
Universiti Malaysia Sarawak*



Prof Dr Abdul Rashid Abdullah - **Ahli**
*Pemangku Naib Canselor (mulai 10 Ogos 2004)
Universiti Malaysia Sarawak*



YBhg Dato' Prof Dr Hassan Said - **Ahli**
*Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia*



YB Datuk Amar Haji Abdul Aziz Hj Husain - **Ahli**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



YBhg Dato Peter Minos - **Ahli**
*Pengarah Eksekutif
Penrissen Inn*



YBhg Datu Stephen Wan Tet Kyung - **Ahli**
*Pengerusi Eksekutif
PPLS Power Generation Sdn Bhd*



YBhg Datuk Shahril Tan Sri Shamsuddin - **Ahli**
*Presiden dan Ketua Eksekutif
Sapura Holding Sdn Bhd*



Prof Dr Hamsawi Sani - **Setiausaha**
*Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak*



Prof Datuk Dr Yusuf Hadi
*Pengerasi
Naib Canselor
(sehingga 30 Julai 2004)*



Prof Dr Abdul Rashid Abdullah
*Timbalan Naib Canselor,
Akademik*



Prof Dr Khairuddin Ab Hamid
*Timbalan Naib Canselor,
Pembangunan*



Prof Dr Hj Sulaiman Hj Hanapi
*Timbalan Naib Canselor,
Hal Ehwal Pelajar*



Prof Dr Hamsawi Sani
Pendaftar



Puan Kamariah Mohd Janor
*Bendahari
(sehingga 2 September 2004)*



Saniah Mohd Hussain
*Pemangku Bendahari
(mulai 23 Ogos 2004)*



Puan Margaret Simeng
Pemangku Ketua Pustakawan

SENAT



Prof Datuk Dr Yusuf Hadi
*Pengerusi
Naib Canselor
(sehingga 30 Julai 2004)*



Prof Dr Abdul Rashid Abdullah
*Timbalan Naib Canselor, Akademik
Pemangku Naib Canselor (mulai 10 Ogos 2004)
Pengarah, Institut Pengajian Asia Timur
(Memangku Pengarah mulai 1 November 2004)*



Prof Dr Khairuddin Ab Hamid
*Timbalan Naib Canselor,
Pembangunan
Pemangku Dekan,
Fakulti Kejuruteraan*



Prof Dr Hj Sulaiman Hj Hanapi
*Timbalan Naib Canselor,
Hal Ehwal Pelajar*



Prof Dr Hamsawi Sani
Pendaftar



Puan Kamariah Mohd Janor
*Bendahari
(sehingga 2 September 2004)*



Puan Saniah Mohd Hussain
*Pemangku Bendahari
(mulai 23 Ogos 2004)*



**Prof Madya Dr
Shazali Abu Mansur**
*Dekan, Fakulti Ekonomi
dan Perniagaan*



**Prof Dr
Syed Hassan Almashoor**
*Dekan, Fakulti Perubatan
dan Sains Kesihatan*



**Prof Madya
Mohd Fadzil Abd Rahman**
*Dekan, Fakulti Seni
Guru dan Kreatif*



**Encik Abang Ekhwan
Abang Othman**
*Dekan, Fakulti Sains Kognitif
dan Pembangunan Manusia
(sehingga 31 Januari 2004)*



**Prof Datin Dr
Napsiah Mahfoz**
*Dekan, Fakulti Sains Kognitif
dan Pembangunan Manusia
(mulai 1 Februari 2004)*



**Prof Madya
Narayanan Kulathuramaiyer**
*Dekan, Fakulti Sains Komputer
dan Teknologi Maklumat*



**Prof Madya Dr
Abd Mutalip Abdullah**
Dekan, Fakulti Sains Sosial



Prof Dr Murtedza Mohamed
*Dekan, Fakulti Sains
dan Teknologi Sumber
(sehingga 30 Jun 2004)*



**Prof Madya Dr
Shabdin Mohd Long**
*Dekan, Fakulti Sains
dan Teknologi Sumber
(mulai 1 Julai 2004)*



Prof Dr Mary Jane Cardosa
*Pengarah, Institut Kesihatan
dan Perubatan Komuniti*



Prof Dr Micheal Leigh
*Pengarah, Institut Pengajian
Asia Timur
(sehingga 6 Mac 2004)*



Prof Madya Dr Andrew Alek Tuen
*Pengarah, Institut Kepelbagaian
Biologi dan Pemulihian Alam sekitar*



Prof Dr Mohd Azib Salleh
*Dekan, Pusat Pengajaran
Siswazah*



**Prof Madya Dr
Kopli Bujang**
*Pengarah, Pusat Pemindahan
Teknologi dan Perundingan*



Dr Othman Bojo
Dekan, Pusat Pemupuan Pelajar



Prof Dr Peter Songan
*Dekan, Pusat
Pembelajaran Gunaan
dan Multimedia*

LAPORAN NAIB CANSELOR

Sepanjang tahun 2004, UNIMAS telah meneruskan kecemerlangan dalam mencapai visi dan misi untuk menjadi universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui kecemerlangan dalam pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.

Sebanyak 19 majlis ilmu telah dianjurkan terdiri daripada 9 persidangan di peringkat antarabangsa dan 10 seminar peringkat kebangsaan dan tempatan. Majlis ini telah membolehkan pakar dan profesional serta individu yang berminat dalam bidang berkennaan berkongsi ilmu dan pengalaman, melebarkan rangkaian dan kerjasama serta mengikuti perkembangan dalam bidang yang dibincangkan. Pelbagai acara sosial, sukan dan kebudayaan yang melibatkan semua warga kampus juga telah diadakan.

Sejumlah 1,725 pelajar baru prasiswazah dan 234 pelajar baru pascasiswazah mendaftar di UNIMAS, menambah enrolmen Universiti kepada 7268 orang, terdiri daripada 6,584 orang pelajar di peringkat prasiswazah dan 684 orang pelajar di peringkat pascasiswazah.

Tahun 2004 juga menyaksikan pengambilan 17 orang pelajar antarabangsa pascasiswazah iaitu 8 orang pelajar dari Indonesia, 3 orang dari Vietnam, 2 orang dari Filipina, 2 orang dari India dan seorang dari Amerika Syarikat. Manakala program pertukaran pelajar antarabangsa prasiswazah turut giat dijalankan iaitu seorang daripada Denmark di Fakulti Sains Sosial, 2 orang dari Korea dan seorang dari Perancis di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan.

Semasa Majlis Konvokesyen ke-8 yang telah berlangsung pada 14 dan 15 Ogos, seramai 1303 graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada jumlah ini, 1225 orang

menerima ijazah Sarjana Muda dan 78 orang menerima Pasca Ijazah.

Tahun 2004 telah menyaksikan kemасukan kumpulan pertama pelajar Program Sarjana Kesihatan Awam (MPH). Fakulti telah menerima kelulusan untuk menawarkan Program Sarjana Obstetrik dan Ginekologi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Bersama Perubatan (*Conjoint Board*).

Program baru Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Matematik) pula telah ditawarkan buat pertama kalinya pada sesi 2004/2005. Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) telah ditukar nama kepada Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) selaras dengan keperluan Jawatankuasa Jaminan Kualiti IPTA.

Usaha memperkasakan program penyelidikan diteruskan dengan pertambahan 81 projek penyelidikan baru. Jumlah tersebut merangkumi 37 projek dalam bidang Sains Tulen dan Gunaan, 24 projek dalam bidang Teknologi dan Kejuruteraan serta 20 projek dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.

UNIMAS telah berjaya mendapat dua projek penyelidikan baru bernilai RM343,000 di bawah Program IRPA kategori EAR. Projek tersebut terdiri daripada sektor Sains dan Kejuruteraan serta Agro-Industri. Jumlah ini merupakan tambahan kepada 13 projek tajaan IRPA yang telah diluluskan pada tahun 2002 dan 2003 dan masih diteruskan pada tahun ini.

Manakala lebih 40 projek perundingan dan pemindahan teknologi kepada pihak luar telah

dilaksanakan dengan nilai projek keseluruhan mencecah angka RM3.5 juta. Kerja-kerja perundingan yang diperolehi meningkat jumlahnya dari segi bilangan dan nilai keseluruhannya berbanding tahun 2003.

Pada tahun 2004, Projek e-Bario sekali lagi berjaya mendapat anugerah. Anugerah terbaru ialah e-Asia Award di bawah kategori *Bridging Digital Divide* yang diterima semasa minggu e-Asia 2004 yang diadakan di Taipei, Taiwan.

Encik Shamsu Mohamad merangkul pingat gangsa daripada INPEX USA melalui penyelidikan beliau bertajuk Hydrilla Tasik UNIMAS: Potensinya sebagai Komposisi Gerlis.

Buat pertama kalinya, seorang pelajar calon PhD Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan iaitu David Lee Kim Sung telah memenangi "Travel Award" dan "Young Investigator Award" daripada *The American Society of Tropical Medicine and Hygiene* di Florida, USA.

Beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dimenangi oleh pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Antaranya termasuklah hadiah ke-2, ke-5 dan ke-6 *Young Investigator Award*, hadiah ke-2 *Female Urology, Pfizer Book Prize* dan tempat pertama bagi Anugerah Dato' Sreenevasan.

Pembangunan kampus tetap Fasa I Peringkat 1 dijangka siap pada pertengahan tahun 2005. Dalam pada itu sebahagian bangunan dalam seksyen 1 seperti bangunan kolej kediaman pelajar, bangunan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Blok Fakulti Kejuruteraan telah siap. Lima fakulti yang terlibat dalam

pembinaan Fasa I Peringkat 1 termasuklah Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia serta Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Selanjutnya terdapat bangunan sokongan seperti Kemudahan Pengajaran Sentral (CTF), Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), bangunan Pusat Pemajuan Pelajar dan lain-lain. Bangunan Canselori setinggi sembilan tingkat bakal menjadi bangunan signitori yang gah, tersergam mengadap plaza sentral universiti, seakan mengalu-alukan pelawat dan pelajar ke kampus UNIMAS.

Koleksi buku di PKMA sehingga akhir tahun telah bertambah menjadi 107,744 naskah. Jumlah tajuk jurnal bercetak adalah sebanyak 412, sementara e-Jurnal berjumlah 10,511. Sebanyak 394 set bahan media dalam pelbagai bentuk juga telah diperolehi menjadi 3217 set kesemuanya, sementara koleksi tesis telah mencapai angka 1339 naskah pada akhir tahun.

Khidmat ICT telah memberi tumpuan dalam aktiviti IT di kampus tetap, proses menaiktaraf Sistem Pengurusan Sumber serta usaha memperluaskan penggunaan sistem rangkaian tanpa wayar ke Kolej Kenanga, Kolej Seroja, Bilik Seminar dan Komplek Sukan. Selain daripada itu, Sistem Pengurusan Penyelidikan dan Kewangan serta proses penyelenggaraan sistem-sistem aplikasi dan sistem rangkaian yang sedia ada telah diberi perhatian. Manakala perolehan peralatan IT telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kemudahan IT di kampus.

Sehingga 31 Disember 2004, sebanyak 1471 jawatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam: 707 jawatan

akademik dan 764 jawatan bukan akademik. Seramai 135 staf baru dilantik pada tahun 2004, meningkatkan jumlah staf kepada 1177 orang pada hujung tahun. Daripada jumlah ini, 479 orang adalah staf akademik menambahkan jumlah profesor kepada 21 orang dan profesor madya 52 orang. Seramai 12 orang telah naik pangkat di dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional. Manakala 2 orang staf pula telah bersara wajib.

Seramai 24 orang sedang bercuti belajar, manakala 42 orang staf akademik lain telah balik dari cuti belajar. Daripada jumlah tersebut 29 orang telah menamatkan pengajian sarjana dan 13 orang Doktor Falsafah. Mereka menambah jumlah bilangan staf yang balik dari cuti belajar kepada 297 orang untuk terus bertugas bagi menyumbang kepada pembangunan UNIMAS. Selain daripada itu, sebanyak 59 kursus latihan telah berjaya dianjurkan di dalam dan di luar kampus untuk meningkatkan produktiviti, motivasi, kepakaran, ilmu dan sikap staf.

UNIMAS berbangga dengan pencapaian cemerlangnya dari tahun ke tahun. Pelbagai kejayaan dikecapi dalam bidang pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan kesarjanaan selaras dengan visi dan misi untuk menjadi universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui kecermerlangan dalam ketiga-tiga bidang ini. Kejayaan ini akan dijadikan sebagai perangsang dan landasan untuk terus berjaya pada dekad kedua dan dekad seterusnya.

Profesor Datuk Dr Yusuf Hadi
Naib Canselor
(sehingga 30 Julai 2004)

Profesor Dr Abdul Rashid Abdullah
Pemangku Naib Canselor
(mulai 10 Ogos 2004)

Penolong Pendaftar

Unit Perhubungan Awam & Antarabangsa
Henry Tening Sengeng

Unit Perancangan dan Pengurusan Kualiti
Saptuyah Hj Mahmud
(sehingga Disember 2004)
Dayang Nor Hajijah Hj Awang Daud
(mulai Disember 2004)

Unit Komunikasi Korporat
Noorma Ismail @ Yusoff
(sehingga Disember 2004)

Pegawai Penerbitan
Zulkarnain Kipli

Juruaudit
Mohd Akram Abdul Razak

Pereka
Kamarul Amir Mohamed



PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



*Timbalan Naib Canselor, Akademik
Prof Dr Abdul Rashid Abdullah*

*Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
Prof Dr Mohd Azib Salleh*

*Penolong Pendaftar, Pusat Pengajian Siswazah
Azeemah Ahmad (sehingga 30 November 2004)
Abang Asmadi Abang Shokeran
(mulai 1 Disember 2004)*

*Penolong Pendaftar, Bahagian Pengajian Pra Siswazah
Azlan Ramli
Samon Marsidi
Zuraidah Abas (sehingga 30 November 2004)
Saptuyah Hj Mahmud (mulai 1 Disember 2004)*

Pada tahun 2004, UNIMAS menawarkan 40 program prasiswazah melalui lapan Fakulti. Satu program baru mula ditawarkan, iaitu Pendidikan (Matematik) di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Beberapa Fakulti menawarkan program Sarjana melalui kerja kursus di samping program pascasiswazah yang menawarkan ijazah Sarjana dan PhD melalui penyelidikan. Satu program pascasiswazah baru mula ditawarkan, iaitu Ijazah Sarjana Kedoktoran di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Bagi sesi 2004/2005, seramai 1725 orang pelajar baru prasiswazah mendaftar di UNIMAS, peningkatan 4 % dari tahun sebelumnya. Ini telah meningkatkan jumlah enrolmen pelajar prasiswazah kepada 5110 orang iaitu pertambahan 8 % dari tahun 2003/2004.

Seramai 234 orang pelajar pascasiswazah telah mendaftar pada tahun 2004, iaitu 18 orang pelajar peringkat PhD, 59 orang peringkat Sarjana melalui penyelidikan dan 157 orang pelajar peringkat Sarjana melalui kerja kursus. Ini adalah peningkatan sebanyak 9 % dari tahun sebelumnya. Ia menjadikan keseluruhan enrolmen pelajar pascasiswazah kepada 563 orang, yang mewakili 10 % dari jumlah keseluruhan pelajar UNIMAS.

Tahun 2004 turut menyaksikan pengambilan 17 orang pelajar pascasiswazah antarabangsa, iaitu 8 orang pelajar dari Indonesia, 3 orang dari Vietnam, 2 orang dari Filipina, 2 orang dari India, seorang dari Amerika Syarikat dan seorang dari Bangladesh. Program pertukaran pelajar antarabangsa prasiswazah turut giat dijalankan iaitu seorang daripada Denmark di Fakulti Sains Sosial, 2 seorang dari Korea dan seorang dari Perancis di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan.

Pada Majlis Konvokesyen 2004, seramai 1303 orang graduan menerima ijazah masing-masing. Daripada

angka ini, 78 orang graduan menerima ijazah pascasiswazah. Seramai 1225 orang menerima ijazah Sarjana Muda masing-masing dari Fakulti seperti berikut:

• FSS	230
• ESGR	145
• FSKTM	177
• FEP	108
• FK	132
• FPSK	72
• FSKPM	195
• FSTS	166

Universiti Malaysia Sarawak terus menyokong saranan Jabatan Pendidikan Tinggi dalam memastikan setiap universiti mematuhi kriteria dan standard dalam Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA, di mana audit jaminan kualiti akademik, yang melibatkan semakan kurikulum di Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2004.

Pemantapan penstrukturkan semula kurikulum di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang telah dijalankan melibatkan program Seni Halus, Teknologi Seni Reka dan Pengurusan Seni. Ini adalah untuk memastikan

program yang ditawarkan adalah sejajar dengan standard dan kualiti yang ditetapkan.

Fakulti Kejuruteraan telah mendapat pengiktirafan Majlis Akreditasi Kejuruteraan(EAC) bagi semua program prasiswazah yang ditawarkan. Fakulti Kejuruteraan juga telah menggabung nama Jabatan Kejuruteraan Elektronik & Telekomunikasi dan Jabatan Kejuruteraan Elektrikal & Komputer kepada Jabatan Kejuruteraan Elektronik.

Aspek sistem pengurusan kualiti terus diperkuuh apabila UNIMAS berjaya mengekalkan persijilan MS ISO 9001:2000 melalui *reassessment* audit yang telah dijalankan oleh pihak SIRIM QAS Sdn Bhd. Ia merupakan salah satu daripada usaha UNIMAS untuk terus meningkatkan keberkesanan, kecekapan, dan menambah baik kualiti perkhidmatan supaya sentiasa konsisten tahap kualitinya dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Ianya turut meningkatkan keyakinan pihak-pihak luar terutama pelajar luar negara ,mengenai mutu pengurusan akademik bermula daripada proses pengambilan pelajar sehingga ke proses pengijazahan di UNIMAS. Ini adalah seiring dengan hasrat universiti ini untuk menjadi Universiti contoh serta cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.



Carta Kemasukan Pelajar Prasiswazah Bagi Sesi 2003/2004 dan 2004/2005

FAKULTI	Bil. Graduan	
	Sesi 2003/2004	Sesi 2004/2005
FEP	294	299
FK	72	125
FPSK	81	91
FSKPM	378	389
FSKTM	162	106
FSS	241	243
FSTS	250	259
FSGK	181	213
JUMLAH	1659	1725






Carta Enrolmen Pelajar Prasiswazah Bagi Sesi 2003/2004 dan 2004/2005

FAKULTI	Bil. Enrolmen	
	Sesi 2003/2004	Sesi 2004/2005
FEP	563	748
FK	559	512
FPSK	449	464
FSKPM	972	1167
FSKTM	428	354
FSS	701	671
FSTS	592	667
FSGK	477	527
JUMLAH	4742	5110



Carta Jumlah Graduan Prasiswazah Bagi Sesi 2003/2004 dan 2004/2005

FAKULTI	Bil. Graduan	
	Sesi 2003/2004	Sesi 2004/2005
FEP	83	108
FK	40	132
PPB	46	0
FPSK	57	72
FSKPM	113	195
FSKTM	140	177
FSS	218	230
FSTS	128	166
FSGK	69	145
JUMLAH	894	1225



FAKULTI & PROGRAM




Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Ekonomi Industri
Ekonomi Antarabangsa
Pelancongan
Pengurusan Pemasaran



Fakulti Kejuruteraan
Kejuruteraan Sivil
Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi
Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan
Kejuruteraan Elektronik dan Komputer



Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Perubatan
Kejururawatan



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Seni Halus
Teknologi Seni Reka
Pengurusan Seni
Muzik
Drama dan Teater
Sinematografi



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Sains Kognitif
Pembangunan Sumber Manusia
Kaunseling
Pendidikan
Komersil



Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Kejuruteraan Perisian
Pengkomputeran Rangkaian
Sistem Maklumat
Pengkomputeran Multimedia
Sains Komputan



Fakulti Sains Sosial
Kajian Antarabangsa
Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan
Kajian Khidmat Sosial
Kajian Komunikasi
Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
Kajian Politik dan Pemerintahan

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik
Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan
Sains dan Pengurusan Sumber Tumbuhan
Kimia Sumber
Bioteknologi Sumber

Program PhD dan Sarjana melalui Penyelidikan

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Advertising
Economic Integration
Entrepreneurship
Industrial Economics
Marketing
Theories of the Firm
Tourism Management
Trade and Development

Fakulti Kejuruteraan
Advanced Materials
Alternative and Renewable Energy
Building Services and Management
Computational and Mathematical Modelling
Computer Aided Engineering
Condition Monitoring and Non-Destructive Testing
Digital Systems
Environmental Engineering
Geotechnical Engineering
Microelectronics
Mobile and Personal Communications
Networks and Communications
Neural Network
Non-Intrusive Measurement Techniques
Opto-electronics
Signal and Image Processing
Soft Soil Engineering
Structural Engineering
Thermo Fluids
VLSI Design
Water Resources Engineering and Application of GIS

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Behavioural Health
Behavioural Medicine
Complementary/Alternative Medicine
Fracture Healing
Human Physiology
Malaria Transmission & Parasite Diversity
Medical Entomology & Vector Biology
Molecular Biology of Malaria Parasite
Molecular Pharmacology
Neurosciences & Sleep Disorders Nursing Education
Nutritional Assessment & Health Education
Occupational Medicine
Reproductive Medicine
Urology

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	<i>Marine Microbiology Marine Toxicology Medical Microbiology Medicinal Chemistry Medicinal Plants Microbial Degradation of Toxic Compound Microbial Engineering Molecular Biology Molecular Ecology Molecular Phylogenetics Phytochemistry Plant Ecology Plant Genetic Transformation Plant Molecular Biology Plant Natural Products Plant Systematics Sago Starch Bioconversion Sago Starch Chemistry Sago Waste By-Product Utilisation Soil Chemistry Soil Microbiology Soil Modelling Tropical Biodiversity Tropical Entomology Tropical Mycology Water Quality Studies Water Resource Management Wood Anatomy Wood Chemistry Wood Composites Wood Preservation</i>	<i>Web-based Hypermedia Systems Visualisation and Image Processing</i>
<i>Aging Study Applied Linguistics Augmental Reality Data Mining Machine Learning TOESL Career Development Cognition and Learning Cognition and Performance Cognitive Psychology Counselling at the Work Place Counselling Processes Educational Management Expert and Virtual Reality Systems Family and Job Performance Human Resource Development Human Resource Management Human Machine Interface Mathematics, Science, and ICT in Education Mind and Work Psychology Organizational Development Philosophy of Mind Quality Management Self Development Teacher and Tertiary Education Training and Development</i>		Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar <i>Animal/Plant Systematics Environmental Chemistry Environmental Management Terrestrial Ecology Tripcical Biodiversity Animal/Plant DNA Archiving</i>
Fakulti Sains Sosial		Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti <i>Emerging Diseases Vector Borne Diseases Virology Vaccine Design</i>
<i>Urbanisation Political Culture & Change Gender Environment and Community Development Indigenous Knowledge Ethnicity, Identity and Belief Systems Social Policy and Planning</i>		Institut Pengajian Asia Timur <i>East Asian Growth Area Ethnography and Anthropology Policy Studies Regional and International Relations Political Economy Borneo Chinese, Malay and Dayak Communities Malaysian and Regional Politics Economic and Social Change Land Use</i>
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber	Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif	Pusat Pengajian Bahasa <i>Linguistics/Ethnolinguistics Language Teaching, Language Learning and Language Acquisition Systemic Functional Linguistics</i>
<i>Animal Biogeography Animal Nutritional Ecloy Animal Phylogenetics and Evolution Aquatic Pollution Benthic Ecology Bioactive Compounds Biocal Modelling Biological Treatment of Wastes Canser Genetics Canopy Biology Coastal Zone Biology Coastal Zone Management Consevation Biology Environmental Chemistry Environmental Microbiology Forest Biology Heavy Metals in the Environment Hydrocarbons in the Environment Inorganic Chemistry Marine Botany</i>	<i>Art History and Theory Arts Management Cinematography Drama and Theatre Fashion and Textiles Fine Arts Graphic Design Industrial Design Music</i>	Program Pascasiswazah Melalui Kerja Kursus
	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Teknologi Maklumat Lanjutan • Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia • Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat • Sarjana Pengurusan Alam Sekitar (Perancangan Pembangunan) • Sarjana Sains Sekitaran (Pengurusan Sumber Air dan Guna Tanah) • Sarjana Kesihatan Awam
	<i>Bioinformatics Digital Watermarking Human-Computer Interactions Interactive Multimedia & Virtual Worlds Modelling & Simulations Networking & Mobile Communications Rural IT and Community Informatics Software Engineering Spatial Analysis and Modelling for GIS Text & Data Mining</i>	

PENYELIDIKAN & KHIDMAT AKADEMIK

*Timbalan Naib Canselor, Pembangunan
Profesor Dr Khairuddin Ab Hamid*

*Ketua Unit, Pengurusan Penyelidikan
Prof Madya Dr Shabdin Mohd. Long
(sehingga 30 Jun 2004)
Prof Dr Murtedza Mohamed
(mulai 1 Julai 2004)*

*Penolong Pendaftar
Kartika Barmawi*

Unit Pengurusan Penyelidikan berperanan menyelaras dan memperkasakan kegiatan penyelidikan sejajar dengan visi UNIMAS untuk menjadi Universiti bertaraf dunia melalui kecemerlangan dalam penyelidikan.

Geran Fundamental

Pada tahun 2004 sebanyak 81 Geran Penyelidikan Fundamental baru telah diluluskan. Jumlah tersebut merangkumi 37 projek dalam bidang Sains Tulen dan Gunaan, 24 projek dalam bidang Teknologi dan Kejuruteraan serta 20 projek dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.


Geran Penyelidikan Fundamental Yang Diluluskan Sepanjang Tahun 2002-2004

Panel Pakar	Bilangan		
	2002	2003	2004
Sains Tulen dan Gunaan	57	23	37
Teknologi dan Kejuruteraan	30	9	24
Sains Sosial dan Kemanusiaan	21	14	20
JUMLAH	108	46	81

Geran IRPA (Intensification of Research in Priority Areas)

Dua projek penyelidikan baru bernilai RM343,000 telah diluluskan di bawah Program IRPA kategori *Experimental Applied Research (EAR)*. Projek tersebut terdiri daripada sektor Sains dan Kejuruteraan serta Agro-Industri. Jumlah ini merupakan tambahan kepada 13 projek tajaan IRPA yang telah diluluskan pada tahun 2002 dan 2003 dan masih diteruskan pada tahun ini.

Projek IRPA (Kategori EAR) 2002-2004



Geran-geran lain

Satu geran penyelidikan khas biayaan FELDA telah diterima oleh Fakulti Sains dan Teknologi Sumber untuk membiayai projek bertajuk Penggunaan Tumbuhan Penapis Biologi dalam Sistem Pengeluaran Anak Benih Ikan Air Tawar secara komersil.

Tiga projek telah berjaya mendapat tajaan dari luar negara. Projek-projek tersebut adalah:

- *Inventory and Biodiversity of the Frog Fauna Of East Malaysia (Borneo Studies) with Emphasis on their Larval Forms (Amphibia: Anura) (Volkswagen Foundation: Euro 48,700)*
- *Enterovirus 71 in The Asia Pacific Region: Reverse Genetic Approaches to Virus Surveillance and Vaccine Development (Wellcome Trust/Australian International Collaborative Research Grant-Developing Country Component: AUS\$418,613)*
- *Restoration of Tropical Peatland to Promote Sustainable use of Renewable Natural Resources (RESTROPEAT. (European Union INCO-CT-2004-510931: RM400,000.00)*

Anugerah Penyelidikan

Shamsu Mohamad daripada FSGK telah berjaya mendapat pingat gangsa daripada INPEX USA semasa Pameran INPEX 2004 di Pittsburgh, Pennsylvania USA

melalui penyelidikan beliau bertajuk *Hydrilla Tasik UNIMAS: Potensinya sebagai Komposisi Gerlis*.

Selain itu, Projek e-Bario sekali lagi berjaya mendapat Anugerah e-Asia semasa minggu e-Asia 2004 yang diadakan pada 24 September 2004 di Taipei, Taiwan. Projek tersebut berjaya mendapat anugerah di bawah kategori *Bridging Digital Divide*.

Persidangan

Pada tahun 2004, seramai 195 orang staf akademik telah membentang kertas penyelidikan masing-masing di persidangan luar dan dalam negeri. Daripada jumlah tersebut 27 orang membentang kertas kerja di peringkat antarabangsa dan 168 membentang di peringkat kebangsaan.

Fakulti/Pusat/Institut di Unimas menganjurkan sembilan persidangan dan bengkel sepanjang 2004:

Bil	Persidangan/Seminar
1.	Seminar dan bengkel OSS101 <i>Open Source Appreciation Software Testing</i>
2.	EduCATE2004 <i>Transforming Teacher Education in The Face of Globalization</i>
4.	<i>1st International Borneo Business Conference (IBBC)</i>
5.	Forum Khas dan Syarahan Umum sempena Lawatan Nobel Laurette Prof Lee Yuan Tseh
6.	<i>Computational Fluid Dynamics Workshoop 2004</i>
7.	<i>Qualitative Research Seminar 2004: Bridging Evidence and Practice</i>
8.	<i>Neuroscience 2004</i>
9.	<i>Regional Postgraduate Business Seminar</i>

SENARAI PROJEK PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL 2004 BIDANG SAINS TULEN DAN GUNAAN

Bil	Tajuk Penyelidikan	Ketua Penyelidik
1.	<i>Molecular Characterisation of Plasmodium Knowlesi and other Malaria Parasites on Monkeys</i>	Prof Dr Balbir Singh
2.	<i>Use of Complementary/Alternative Medicine (CAM) among Cancer Patients</i>	Greta Miranda Goh Kim Choo
3.	<i>Hysteroscopic Assisted Tubal Insemination (HATI) - Will there be an increased in the Samarahan Division Fertilisation Rate?</i>	Dr Muhammad Shamsir Mohd Aris
4.	<i>Investigation of Coronary Heart Disease Risk Factors amongst Adults in Kuching and Samarahan Division</i>	Chang Ching Thon
5.	<i>The Relationship between Body Image and Smoking Behavior among Children and Adolescent in Samarahan Division</i>	Prof Dr Hashami Bohari
6.	<i>To Determine the Correlation of Nasopharyngeal Swab Cytology and Forceps Biopsy in High Risk ENT Patients of Nasopharyngeal Carcinoma</i>	Prof Madya Dr Thiong Thung Sing
7.	<i>Complementary and Alternative Medicines (CAM): Prevalence, Reasons, Cost, and Pattern of Use Among Diabetic Patients in Sarawak, 2004</i>	Cliffton Akoi Pengarah
8.	<i>The RET/PTC Expression in Goitrous Thyroid Cases in Sarawak -a Retrospective Study</i>	M. Hamdi Mahmood
9.	<i>A Study on Immunohistochemical Expression of Galectin-3 & 7 as Diagnostic Indicators in Thyroid Malignancies</i>	Dr Than Than Htwe
10.	<i>Status of Lung Functions in Population of Kuching Sarawak</i>	Prof Madya Dr Pratibha Gupta & Dr Rahardjo Darmanto Djodibroto

11.	<i>An Analysis of Cognitive Levels of Questions and Students' Feedback</i>	Prof Madya Dr P.T. Thomas
12.	<i>Identification and Characterisation of Alcohol Dehydrogenase (Adh) Enzyme Species and Isolation of Factors Involved in Adh Regulation in Metroxylon Sagu</i>	Dr. Hairul Azman @ Amir Hamzah Roslan
13.	<i>Myrtaceae in Borneo. Leptospermum Flavescens and Eugenia Palembanica</i>	Kamarul'Ain Mustafa
14.	<i>Liquid Crystal Properties Study on Gallium (III) and Indium (III) Complexes with Chalcone and Schiff Base Ligands</i>	Tay Meng Guan
15.	<i>Nutrient and Oxygen Demand Removal by Ornamental Plants in Constructed Wetlands</i>	Dr. Siti Rubiah Zainudin
16.	<i>Macro-Fungi From Peat Forest of Loagan Bunut</i>	Prof Madya Dr Sepiah Muid
17.	<i>Characterizing the Perturbation Posing a Threat to The Loagan Bunut National Park</i>	Dr Harwant Singh
18.	<i>Stand Composition and Diameter Distribution of Loagan Bunut Peat Swamp Forests</i>	Prof Madya Dr Cheksum Tawan
19.	<i>Plant Diversity of Riverine Forest and Ecology of Cyperus Halpan in Loagan Bunut</i>	Dr Petrus Bulan
20.	<i>The Soils of Peat Awamp Forest and Their Role in Regulating the Baseflow to the Loagan Bunut Lake</i>	Prof Dr Wan Sulaiman Wan Harun
21.	<i>Quantifying the Diversity of InSecta and a Vifauna in Loagan Bunut National Park</i>	Charlie J. Laman
22.	<i>Ecology and Diversity of Herpetofauna and Mammals in Loagan Bunut National Park</i>	Mohd Azlan Jayasilan Abd Gulam Azad
23.	<i>Comprehensive Study on The Water Quality of Loagan Bunut, Marudi, Sarawak</i>	Prof Dr Murtedza Mohamed
24.	<i>Tracing Land use Changes and Nutrient Dynamic within Loagan Bunut Catchment through Sediment Analyses</i>	Sim Siong Fong
25.	<i>Fish Biology and Riverine Fishery in The Loagan Bunut National Park: Present Status and Management Implications</i>	Dr Lee Nyanti
26.	<i>Estimation of Sediment Yield in The Loagan Bunut Lake</i>	Prof Dr Wan Sulaiman Wan Harun
27.	<i>Fate and Pathways of Organotin Compounds in Several Major Ports in Sarawak</i>	Devagi d/o Kanakaraju
28.	<i>Synthesis, antimicrobial and Anticancer Activity of Organotin (IV) Complexes of Novel Thiosemicarbazone Ligands</i>	Dr Md. Abu Affan
29.	<i>Kajian Morfologi, Anatomi dan Sistematisik Molekul ke Atas Genus Scaphochlamys Baker (Zingiberaceae)</i>	Aida Shafreena Ahmad Puad
30.	<i>Combinatorial Synthesis of Insecticidal Compounds that Mimic The Constituents from Rhizomes of Scaphochlamys (Zingiberaceae)</i>	Dr Zainab Ngaini
31.	<i>Development of A Defined Tissue Culture Medium for Somatic Embryogenesis and Plant Regeneration in Sago Palm (<i>Metroxylon sagu Rottb.</i>)</i>	Dr Mohd Hasnain Hussain
32.	<i>Genetic Diversity of Bornean Fanged Frog <i>Limnonectes Kuhli</i> at Different Altitude and Localities using Cytochrome C Oxidase 1 (COI)</i>	Ramlah Zainudin
33.	<i>The Origins of Organic Matters and Degree of Maturation for Coals from Sarawak Based on Organic Geochemistry Characteristics</i>	Prof Madya Dr Zaini Assim

34.	<i>Comparative Genetic Diversity Studies among Natural Populations of The Bacteria, Escherichia Coli, in Soils, Water Sources and Animal Hosts in Sarawak, Malaysia</i>	Prof Madya Dr Kasing Apun
35.	<i>Studies on The Starch Biosynthesis Pathway of Sago: Characterization of The Gene Coding for Starch Branching (SBE) Enzyme</i>	Prof Dr Mohd Azib Salleh
36.	<i>Biotransformation of Heavy Metal Compounds and Toxic Organic Chemicals in Soil Polluted with Leachate from Landfill Waste Disposal Sites</i>	Prof Dr Mohd Azib Salleh
37.	<i>Antibody Dependent Enhancement: Development of A Bead Based Flow Cytometry Method</i>	Prof Dr Mary Jane Cardosa

BIDANG TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN

Bil	Tajuk Penyelidikan	Ketua Penyelidik
1.	<i>Optimisation of Water Resources in Industry Via Design of Water Networks</i>	Shanti Faridah Salleh
2.	<i>Design and Construction of A Solar-Powered Automobile Air-Cooling System</i>	Dr. Mohammad Omar Abdullah
3.	<i>Design of Mode Choice Modeling: a Technical-Econometric Approach to Implement New Public Transportation Services</i>	Ir Resdiansyah Mansyur
4.	<i>Effect on Signal Penetration into Building in Malaysia by their Construction Materials</i>	Wan Azlan Wan Zainal Abidin
5.	<i>Construction of a Mini Combined Solar/Fuel Cell/Wind Energy System</i>	Dr Mohammad Omar Abdullah
6.	<i>Flexural Stress Analysis of Rigid Pavements</i>	Dr Vishwas Sawant
7.	<i>Detection and Analysis of Interface Pattern using Interferometry Technique-Determining The Stress of a Material under Load</i>	Dr Mohammad Shahril Osman
8.	<i>Micro Electro-Mechanical Systems (MEMS): Design and Fabrication of a Simple Microaccelerometer</i>	Dr Awangku Abdul Rahman b. Pgn Hj. Yusof
9.	<i>A Versatile System for Impact Tests Incorporating Acoustic</i>	Prof Madya Dr Sinin Hamdan
10.	<i>Characterization of Fly Ash for Its Disposal and Utilization with Respect to Environmental Protection and Potential as Soft Soil Stabilizer</i>	Dr Prabir Kumar Kolay
11.	<i>Quality-of-Service (QoS) Provisioning in 3rd Generation Wireless Communication</i>	Hushairi Hj. Zen
12.	<i>Viscoelasticity and Properties of Natural Composite, Bembang (Donax Grandis) on Tensile and Fatigue Loading</i>	Mahshuri Yusof
13.	<i>Optimization of Heat Transfer in Large Scale Drying Equipment for Energy Efficiency Improvement</i>	Dr Andrew R. H. Rigit
14.	<i>Study of Engineering Construction Contracts in Sarawak Public Works Department 75</i>	Ting Sim Nee
15.	<i>Using Grid Computing to Speed String-Matching Algorithm</i>	Johari Abdullah
16.	<i>Messaging Services for Integrating Networked Appliances with Learning Capabilities</i>	Halikul Lenando
17.	<i>Latent Semantic Analysis (LSA) for Automated Marking Computer Programs Assignment</i>	Dyg Nurfatimah Awang Iskandar

18.	<i>Adaptive Throughput Scheme for Cooperative Broadband Wireless Networks</i>	Dr Tan Chong Eng
19.	<i>Enabling Agent in Security Management – An Argumentation Negotiation Approach</i>	Cheah Wai Shiang
20.	<i>Decision Support System Knowledge World Modeling (By Applying K-World Sarawak)</i>	Dayang Hanani Abg Ibrahim
21.	<i>User Authentication in Bluetooth Using Secure Socket Layer (SSL)</i>	Kartinah Zen
22.	<i>Validation of Requirements from Software Specification</i>	Dr Rosziati Ibrahim
23.	<i>An Empirical Method in Determining Natural Data Structure Based on Cluster Analysis for Text</i>	Bong Chih How
24.	<i>Usability Testing for E-Recruitment Tool</i>	Nadianatra Musa

BIDANG SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Bil	Tajuk Penyelidikan	Ketua Penyelidik
1.	<i>Corporate Entrepreneurial Orientation and Performance of The Government Business Enterprises in Malaysia</i>	Harry Entebang
2.	<i>Demand for Domestic Tourism: Market from Sarawak</i>	Norazirah Hj Ayob
3.	<i>The Determinants of Capital Flight from ASEAN</i>	Prof Madya Dr Shazali Abu Mansor
4.	<i>Downward Influence Tactics: A Test of Congruence Hypothesis</i>	Fathan Soetrisno
5.	<i>The Foochow Entrepreneurial Characteristics: Comparison between Generations</i>	Dr Ernest Cyril De Run
6.	<i>Unintended Effects of Ethnically Targeted Advertising in Malaysia</i>	Dr Ernest Cyril De Run
7.	<i>Causal Relations among Stock Returns and Macroeconomic Activities in Malaysia</i>	Puan Chin Hong @ Puah Chin Fang
8.	<i>Loagan Bunut Insperations: Works Given by Nature</i>	Sylvester Jussem
9.	<i>Loagan Bunut: an Artistic Exploration</i>	Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani
10.	<i>The Musical Styles of The Berawan People within The Upper Reaches of Sungai Bunut, Sarawak East Malaysia</i>	Ng Sie Ai
11.	<i>Film Funding in Malaysia: an Analysis of Different Perspectives</i>	Gregory Wee Lik Hoo
12.	<i>Utilizing Sago (<i>Metroxylon spp</i>) Bark Waste for Value-Added Products</i>	Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman
13.	<i>The Potential of Lemba Leaf as A New Material for Textile Fabrics</i>	Dr Nazlina Shaari
14.	<i>Socio-Economic Baseline Study of Loagan Bunut Village Communities</i>	Mohamad Suhaidi Salleh
15.	<i>Recent Political Developments in Papua New Guinea/Pacific Island States</i>	Prof Madya Dr James Chin Ung Ho
16.	<i>An Exploratory Study on The Role of Subjective Ethnolinguistic Vitality in Choice of Language for Family Communication in Inter- and Ontra Ethnic Marriages in Kuching</i>	Dr Ting Su Hei
17.	<i>Cognitive Processing Model in Performance Appraisal Decision. a Comparative Study on Employees Attitude in Public and Private Organisation, Malaysia</i>	Dr Rusli Ahmad
18.	<i>The Meta-Analytic Study on The Relationship between Metacognition and Reading Comprehension</i>	Dr Norsiah Fauzan

19.	<i>Negotiating Ethnic Boundaries and Resource Use Patterns in Loagan Bunut, Tinjar</i>	Prof Dr Dimbab Ngidang
20.	<i>Ethnic Minorities, Identities, and Access to Resources among The Sihan, Seping and Tagal Communities</i>	Jayl Langub

PROJEK IRPA KATEGORI EXPERIMENTAL APPLIED RESEARCH (EAR) 2004

Bil	Tajuk Penyelidikan	Ketua Penyelidik
1.	<i>Molecular Ecology and Evolution of Fruit Bats (Megachiroptera: Pteropodidae)</i>	Prof Madya Dr Mohd Tajuddin Abdullah
2.	<i>Coat Protein-Mediated Resistance Against Cucumovirus of Pepper (Piper Nigrum L.)</i>	Prof Madya Dr Sim Soon Liang

PEMAJUAN DAN HAL EHWAL PELAJAR

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar

Prof Dr Hj Sulaiman Hj Hanapi

Dekan, Pusat Pemajuan Pelajar

Dr Othman Bojo

Penolong Pendaftar Kanan

Kamaliah Md Shahid

Pensyarah, Pusat Pemajuan Pelajar

Prof Madya William Hughess

Penolong Pendaftar

Ezalman Tambi Lee

Noorma binti Ismail

Zambari Hj Baijuri

Zahiruddin Md Jais

Kaunselor

Tuan Haji Sa'adin bin Sulaiman

Saptuyah Barahim

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Penekanan terhadap pembangunan sahsiah pelajar melalui perkhidmatan yang cekap dan berkualiti masih lagi menjadi keutamaan dalam perkhidmatan unit-unit di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).

Sepanjang tahun 2004, Unit Sukan dan Rekreasi telah menganjur 15 jenis kejohanan dan mengurus 15 penyertaan pelbagai kejohanan. UNIMAS juga turut serta di Kejohanan Sukan Staf antara Universiti Malaysia ke-29 di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Perlaksanaan program membawakan hasil dengan peningkatan prestasi dalam bidang sukan. Dua peserta UNIMAS terpilih untuk menjalani pemilihan ke Sukan Universiti ASEAN.

Unit Kebudayaan dan Kesenian telah menceriakan tahun 2004 dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian di dalam dan luar kampus. Antaranya ialah Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan, Latihan Khidmat Negara dan penyertaan UNIMAS bersama kontingen Negeri Sarawak ke Pelancaran Citrawarna Malaysia.

Penyertaan UNIMAS dalam pelbagai pertandingan kesenian yang diwakili oleh pasukan BAYU (Badan Budaya UNIMAS) memperolehi kejayaan yang membanggakan iaitu Johan Pertandingan Tarian Peringkat Samarahan, Johan Pertandingan Tarian anjuran Universiti Utara Malaysia dan Johan Pertandingan Lagu Asli MAKUM 2004.

UNIMAS menjadi salah satu lokasi bagi perlaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan menempatkan sebanyak 1549 orang dari 23 Mac 2004 hingga 4 Jun 2004. UNIMAS melalui BHEP terlibat dalam menyediakan kemudahan penginapan di kolej, bilik seminar, bilik kuliah dan dewan serta mengendalikan dua majlis tamat latihan PLKN.

Bersempena dengan Sambutan Bulan Kemerdekaan ke 47, Pertandingan Pidato Kemerdekaan Peringkat IPT 2004 telah diadakan dengan jayanya pada 10-12 September bertempat di Hotel Holiday Inn Kuching, Sarawak hasil anjuran bersama oleh UNIMAS, UiTM Kampus Samarahan, dan Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia. BHEP juga menjadi urusetia mengendalikan Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat UNIMAS dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan termasuk Pertandingan Puisi Peringkat IPTA dan Sekolah Menengah sekitar Kuching, Pertandingan Koir, Forum dan Sambutan Ambang Merdeka.

Keprihatinan UNIMAS terhadap kemudahan pelajar diberikan perhatian utama dengan beroperasi sebuah kolej baru dikenali sebagai Kolej Kancil di kampus sementara yang mampu menampung 1200 orang pelajar.

Tahun 2004 juga merupakan tahun bermakna bagi kolej kediaman pelajar dengan pengenalan satu dasar penamaan semula nama semua kolej di kampus tetap dan beberapa kolej di kampus sementara bersempena dengan nama bunga. Antara yang ditukar namanya ialah Kolej Samarahan kepada Kolej Siantan, Kolej Kenari kepada Kenanga dan Kolej Kancil kepada Kolej Seroja.

Pusat Pemajuan Pelajar

Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) telah ditubuhkan sejak 12 tahun yang lalu sejajar dengan kewujudan Universiti





Malaysia Sarawak. Ia berperanan sebagai badan penghubung antara pelajar dengan universiti, di samping bertindak sebagai penyelaras serta mengawalselia semua yang berkaitan dengan aktiviti pelajar.

Visi PPP adalah untuk menjadi sebuah pusat sumber rujukan dan penyebaran ilmu-ilmu sampingan serta pembangunan sahsiah untuk melahirkan graduan yang berketrampilan, berilmu dan berdaya saing.

Misi PPP adalah untuk menjadi pemangkin kecemerlangan akademik serta pembangunan sahsiah dan keperibadian pelajar melalui penawaran perkhidmatan kaunseling serta bimbingan; penawaran modul untuk membina keyakinan diri, keterampilan, kepimpinan serta pelbagai kemahiran; pembudayaan mencari maklumat untuk menambah ilmu pengetahuan di samping meningkatkan minat untuk belajar sepanjang hayat; dan pendedahan isu-isu semasa kepada pelajar.

Staf sokongan PPP seramai lima orang. Walaupun terdapat kekangan dari aspek kemudahan bilik serta kelengkapan, jadual waktu yang ketat serta kekurangan tenaga pemudahcara, namun pusat ini telah sepanjang tahun 2004 dapat melaksanakan beberapa program khusus bagi semua pelajar sebagai pelengkap kepada program akademik yang ditawarkan oleh fakulti. Program-program yang ditawarkan oleh pusat ini adalah dalam bentuk modul *soft-skill*, khidmat kaunseling individu dan kelompok, aktiviti peningkatan kemahiran seperti debat, berkomunikasi, bicara tokoh dan lain-lain.

PPP telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali Modul *Soft Skill*, bertujuan untuk membimbing pelajar dalam ilmu-ilmu sampingan yang penting dan relevan sebagai pelengkap kepada ilmu teras dari fakulti masing-masing. Sebanyak 32 sesi modul telah berjaya diikuti oleh seramai 3587 orang pelajar. Ke arah pengendalian modul *Soft Skill* yang lebih mantap, seramai 15 orang pensyarah telah mengikuti program 'Training for Trainers' dari 10 hingga 16 Mei 2004 di UNIMAS.

Tiga sesi ceramah telah diadakan dengan kehadiran 475 orang pelajar : 'Pengurusan Kewangan' oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 14 Februari 2004; 'Kerjaya' oleh Public Mutual pada 19 Februari 2004 dan 'How To Be A Good Student' pada 25 September 2004. Bicara Tokoh dalam siri Malaysia Boleh – Berbasikal Mengelilingi Dunia oleh Datuk Hassan Nawawi telah diadakan pada 28 Februari 2004. Pencapaian lain ialah kejayaan pusat ini menganjur pertandingan debat dalam Bahasa Inggeris peringkat IPT Sarawak dari 18-19 September 2004 di mana seramai 4000 orang pelajar mengikutinya. Pertandingan akhir debat telah diadakan pada 04 Oktober 2004 di Radio Televisyen Malaysia, Kuching.


Unit Kaunseling membantu pelajar dalam pertumbuhan dan pengembangan diri melalui pendekatan kaunseling dan psikologi. Unit ini telah mengendali sebanyak 2 sesi seminar; 12 sesi bengkel; 11 sesi ceramah; 1 sesi latihan dan beberapa siri program bimbingan. Seramai 455 orang pelajar dan 15 orang staf mendapat khidmat kaunseling individu manakala 48 orang pelajar mendapat manfaat dari khidmat kaunseling berkelompok.

Pusat ini juga berperanan sebagai penghubung antara bekas pelajar dengan universiti melalui Persatuan Alumni. *Webpage Alumni* telah dimasukkan dalam laman web UNIMAS bagi memudahkan urusan pendaftaran dan pencapaian maklumat terkini. Persatuan Alumni UNIMAS ini telah didaftarkan pada 26 November 2004.



LAPORAN FAKULTI

FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN



Dekan

Prof Madya Dr Shazali Abu Mansor

Timbalan Dekan, Pascasiswazah & Penyelidikan

Prof Madya Dr Rujhan Mustafa

Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar

Salbiah Edman

Ketua Program Perniagaan

Fathan Soetrisno

Ketua Program Ekonomi

Hamri Tuah

Penyelaras Program CMBA

Dr Ernest Cyril De Run

Penolong Pendaftar

Dayang Nor Hajijah Hj Awang Daud

(sehingga 30 November 2004)

Alifah Adnan (mulai 1 Disember 2004)

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) terus mengorak langkah dalam memastikan visi dan misi yang telah digariskan dapat dicapai dan dijadikan iltizam oleh semua warganya. FEP akan terus menjadi pilihan utama bagi golongan pelajar dan pengajar sebagai wadah ilmu melalui strategi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan melalui pelaksanaan visi dan misi ini.

FEP telah mengekalkan dua disiplin utama iaitu ekonomi dan pengurusan perniagaan dalam memenuhi struktur pengajaran dan pembelajaran di fakulti. Pada sesi 2003/2004, fakulti menawarkan sebanyak empat pengkhususan pengajian peringkat prasiswazah iaitu Ekonomi Industri, Ekonomi Antarabangsa, Pelancongan dan Pengurusan Pemasaran berbanding lima pada sesi 2002/2003. Program Sistem Maklumat Pengurusan Perniagaan digugurkan. Atas cadangan Panel Penasihat

Antarabangsa, Program Corporate Master in Business Administrator (CMBA) terus mendapat tempat dan menjadi penghubung antara individu dengan universiti. Program ini telah berkembang selangkah lagi dengan pembukaan pasarannya di Sibu, Sarawak. Manakala perancangan fakulti yang akan datang ialah membangunkan usahawan di kalangan pelajar dengan menempatkan mereka di kalangan usahawan semasa cuti semester.

Sejajar dengan visi dan misi yang digariskan tersebut, FEP terus mengorak langkah ke arah kecemerlangan dengan menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa pada 9 hingga 11 Disember 2004. Persidangan IBBC(*International Borneo Business Conference*) 2004 atau Persidangan Antarabangsa Pertama Perniagaan Borneo di Kota Kinabalu, Sabah pada Disember 2004 ini telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Hj. Mohd Shafie bin Afdal, Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebanyak 137 kertas kerja dibentangkan semasa persidangan tersebut yakni, pembentang-pembentangnya adalah terdiri daripada ahli akademik dari dalam dan luar negara. Selain daripada *IBBC*, fakulti juga telah menganjurkan Kolokium CMBA bertajuk *The Regional Postgraduate Business* pada 27 November 2004.

Di peringkat prasiswazah sejumlah 299 orang pelajar baru mendaftar berbanding 294 orang pada tahun 2003. Enrolmen pada tahun 2004 ialah 890 orang, iaitu 755 orang di peringkat Ijazah Sarjana Muda, 131 orang di peringkat Sarjana dan 4 orang bagi program doktor falsafah (PhD).

Pada Majlis Konvokesyen yang ke-8, seramai 121 graduan menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 108 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 13 penerima Ijazah Sarjana. Jumlah ini lebih tinggi berbanding 114 graduan pada tahun 2003, yang terdiri daripada 108 orang di peringkat prasiswazah dan 31 orang di peringkat Sarjana. Tahun 2004 telah



menyaksikan kejayaan kumpulan ketiga pelajar lulusan CMBA.

Fakulti telah melantik dua orang ahli panel penasihat antarabangsa sebagai langkah memantapkan bidang penyelidikan dan pengajaran.

Dalam bidang penyelidikan dan perundingan, sejumlah 7 projek penyelidikan telah dijalankan oleh staf Fakulti. Sekurang-kurangnya 25 persidangan peringkat dalam dan luar negeri telah diikuti oleh staf akademik sepanjang 2004. Forum peringkat antarabangsa telah dihadiri bertempat di Tottori, Jepun pada 5 hingga 7 September 2005.

Sepanjang tahun 2004, fakulti telah berjaya menghasilkan penerbitan yang terdiri daripada 9 artikel (tempatan dan antarabangsa), 22 prosiding persidangan (dalam dan luar negara) dan 1 monograf.

Seramai 46 orang staf bertugas di FEP, terdiri daripada 30 pensyarah dan 4 tutor, serta 12 staf bukan akademik. Daripada jumlah tersebut, seramai 3 pensyarah & seorang tutor adalah lantikan baru. Seramai 10 orang staf akademik bercuti belajar.

Pada tahun 2004, fakulti giat menjalin perhubungan dan rangkaian dengan pihak luar. Ini termasuklah program pertukaran pelajar dengan ESC Troyes, Perancis dan Kangnung National University, Korea Selatan.

Aktiviti luar bilik kuliah juga turut diadakan bagi memastikan para pelajar seorang yang serba boleh dan mempraktikkan setiap perkara yang dipelajari di dalam bilik kuliah dalam bidang ekonomi dan perniagaan yakni dengan mengadakan *Carnival and Exhibition: Industrial Operation and Opportunity* pada 25 dan 26 September 2004. Pameran tersebut dihadiri oleh pelbagai organisasi dengan hasrat memberi peluang kepada pelajar berkecimpung dalam bidang perniagaan. Fakulti juga mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan di peringkat UNIMAS iaitu dalam Pertandingan Koir Bulan Merdeka (10 September 2004) dan Konsert Ambang Merdeka 2004.

FAKULTI KEJURUTERAAN

Pemangku Dekan

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid

Timbalan Dekan, Prasiswaah & Pemajuan Pelajar

Dr Awangku Abdul Rahman Pengiran Hj Yusof

Timbalan Dekan, Pascasiswaah & Penyelidikan

Dr Azhaili Baharun



Ketua Jabatan, Kejuruteraan Sivil

Dr Mohd Ibrahim Satawi Mohd Zain

Ketua Jabatan, Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan

Prof Madya Dr Sinin Hamdan

Ketua Jabatan, Kejuruteraan Elektronik

Ng Liang Yew

Penolong Pendaftar

Sharifah Mariawati Wan Kassim

(sehingga 30 November 2004)

Abu Bakar Ibrahim (mulai 1 Disember 2004)

Pegawai Sistem Maklumat

Ismawati Razali

Fakulti Kejuruteraan (FK) bergerak maju ke hadapan bagi menjayakan misi fakulti menjadi pusat pengajian yang terpilih dalam menghasilkan pendidikan kejuruteraan yang berkualiti serta menyediakan khidmat profesional melalui pendidikan, khidmat perundingan serta penyelidikan yang dinamik dan inovatif.

Bilangan keseluruhan pelajar FK pada tahun 2004 ialah 587 orang, iaitu 559 orang peringkat Ijazah Sarjana Muda, 19 orang peringkat Sarjana dan 9 orang bagi program Doktor Falsafah (PhD). Seramai 125 orang pelajar baru mendaftar bagi empat program prasiswazah pada tahun 2004, berbanding hanya 73 orang dalam tahun 2003.

Seramai 136 graduan menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 130 penerima Ijazah Sarjana Muda dan enam penerima Ijazah Sarjana dalam Konvokesyen yang ke-8 pada Ogos 2004, berbanding 41 graduan pada tahun 2003. Sejak majlis konvokesyen pertama pada tahun 1997, FK telah berjaya menghasilkan 619 orang graduan.

Seramai tiga orang graduan Fakulti telah memperolehi Anugerah Canselor, Anugerah Pendidikan Diraja dan



Anugerah Pro Canselor sempena Konvokesyen ke - 8 2004. Seramai lapan orang graduan telah menerima Anugerah Kecemerlangan Zecon.

Sepanjang tahun 2004, sejumlah 28 projek penyelidikan telah dijalankan oleh staf fakulti , yang merangkumi 15 projek penyelidikan baru. Sepuluh projek masih diteruskan dan tiga projek yang berjaya ditamatkan. Sejumlah tujuh projek perundingan yang bernilai hampir RM1.3 juta telah dilaksanakan.

Fakulti turut bergiat dalam memberi khidmat akademik melalui tawaran kursus peringkat sijil dan sijil lanjutan dalam bidang Teknologi Pembuatan khas untuk staf teknikal Komag. Fakulti turut menyumbang kepakaran dalam perlaksanaan program Diploma Multimedia Teknologi yang dikendalikan bersama Telekom Malaysia Bhd.

Fakulti telah berjaya menghasilkan 35 penerbitan oleh 14 orang staf akademik. Fakulti telah mencatatkan sejarah kerana mendapat pengiktirafan kali kedua bagi tiga program utama fakulti berkuatkuasa pada 11 Ogos 2004 iaitu bagi program Kejuruteraan Elektronik dan Komputer, Kejuruteraan Mekanikal dan Sistem Pembuatan serta Program Elektronik dan Komunikasi pada 28 Jun 2004.

Staf FK seramai 79 orang terdiri daripada 46 pensyarah, dua tutor dan 31 staf bukan akademik. Daripada jumlah tersebut, seorang staf akademik dan lima orang staf teknikal adalah lantikan baru. Seorang staf teknikal telah bersara wajib, tiga orang staf akademik bercuti belajar.

Pada tahun 2004, FK menandatangani dua memorandum persefahaman dengan Zecon Engineering pada 16 Januari 2004 dan 1st Silicon pada 17 Februari 2004. Fakulti juga telah menerima kunjungan Panel Penasihat Antarabangsa dan Pemeriksa Luar oleh Prof John M Senior dan Prof Mohammed Sharif Nabi Baksh pada 10-12 Mac 2004 bagi meninjau ke atas kurikulum pengajaran dan pembelajaran.

FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

Dekan

Prof Dr Syed Hassan Syed Ahmad Almashoor

Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar
Prof Dr Hashami Bohari

Timbalan Dekan, Pascasiswa & Penyelidikan
Prof Dr Henry Rantai Gudum

Ketua Jabatan, Sains Asas Perubatan
Prof Dr John K Candlish

Ketua Jabatan, Sains Pra-Klinikal
Prof Dr Mohd Syafiq Abdullah

Ketua Jabatan, Perubatan
Dr Anuar Rapae

Ketua Jabatan, Surgeri
Dr Zamrin Dimon

Ketua Jabatan, Otopedik
Prof Dr Pan Kok Long

Ketua Jabatan, Obstetrik dan Ginekologi
Prof Madya Dr Mohd Azhar Mohd Noor



Ketua Jabatan, Pediatrik
Prof Madya Dr Padmin Venkatarani

Ketua Jabatan, Perubatan Komuniti dan Kesihatan Awam
Prof Madya Dr Mariah Ahmad

Penyelaras Fasa 1
Prof Madya Dr Maung Maung Nyo

Penyelaras Fasa 2
Dr Muhammad Shamsir Mohd Aris

Ketua Program Kejururawatan
Shanui Shabas



Ketua Penolong Pendaftar
Haji Mohd Bakhari Mohd Yasin

Penolong Pendaftar
Salbiah Salleh

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah mencapai beberapa kejayaan sepanjang tahun 2004. Pengeluaran golongan graduan doktor perubatan yang kelima seramai 39 orang serta graduan kejururawatan. Ada di antara mereka yang bekerja di luar negara dan ada yang telah melanjut pengajian ke peringkat pascasiswazah.

Tahun 2004, mencatatkan kemasukan kumpulan pertama pelajar Program Sarjana Kesihatan Awam (MPH). Fakulti menerima kelulusan untuk menawarkan Program Sarjana Obstetrik dan Ginekologi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Bersama Perubatan (Conjoint Board).

Beberapa usaha telah dijalankan seperti mengadakan Kajian Semula Kurikulum Fasa 1 dan 2 bertempat di Santubong Resort Kuching. Fakulti juga telah mendapat kebenaran Hospital Sibu bagi memantapkan lagi latihan klinikal disamping kerjasama dengan pihak luar dalam bidang Qualitative Methods. Bermula sesi 2004, dua pelajar dari Program Kejururawatan dari Australia telah mengikuti program pertukaran pelajar di UNIMAS sehingga penghujung Semester 3, sesi 2004/2005.

Fakulti terus menawarkan Program Perubatan dan Program Kejururawatan. Seramai 61 orang pelajar baru telah mendaftar bagi Program Perubatan dan 14 orang pelajar baru bagi Program Kejururawatan. Enrolmen di FPSK pada tahun 2004 ialah 479 orang, iaitu 473 orang peringkat Ijazah Sarjana Muda, 6 orang peringkat Sarjana dan program Doktor Falsafah (PhD).

Seramai 70 graduan menerima ijazah masing-masing di Majlis Konvokesyen yang ke-8. Mereka terdiri daripada 39 penerima ijazah Doktor Perubatan, 31 penerima ijazah Sarjana Muda dalam bidang

Kejururawatan. Sehingga kini, FPSK telah berjaya menghasilkan 172 orang doktor perubatan dan 103 orang jururawat berijazah.

Fakulti telah menujuhkan Jawatankuasa Penyelidikan Perubatan dan Etika, yang dianggotai oleh ahli-ahli dari pelbagai latar belakang, bertujuan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan perundingan di fakulti. Sejumlah 18 projek utama penyelidikan dijalankan oleh staf fakulti sepanjang tahun 2004. Hasil penyelidikan telah berjaya diterbitkan dalam sebuah buku dan 16 artikel dalam jurnal.

Staf FPSK telah berjaya mendapat beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya termasuklah:

- Travel Award dan Young Investigator Award daripada *The American Society of Tropical Medicine and Hygience* yang dimenangi oleh David Lee Kim Sung pada perjumpaan tahunan persatuan ke 53 di Miami, Florida, USA. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Human Infections with Plasmodium knowlesi in Malaysian Borneo".
- Hadiah ke 5 Young Investigator Award, Annual Scientific Meeting 2004, National Heart Association of Malaysia, pada 16-18 April 2004 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.
- Hadiah ke 6 Young Investigator Award, Annual Scientific Meeting 2004, National Heart Association of Malaysia pada 16-18 April 2004 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.
- Hadiah ke 2 Young Investigator Award, at the 4th Asian & Oceanic Congress of Andrology, 2004, Penang. (Paper: The prevalence of voiding problems in an elderly Iban community, Sarawak, Malaysia-a pilot study).
- Hadiah ke 2, Female Urology, at the 7th Asian Congress of Urology, Hong Kong, Nov 2004. (Paper : Female urinary incontinence in an elderly Iban community, Sarawak, Malaysia)
- Malaysian Urology Association Pfizer Book Prize for best research paper, December 2004. (Paper: The use of normal saline to fill the balloon of the Foley catheter will lead to subsequent failure of deflation: what is the evidence).

Sebelas seminar dan bengkel telah dianjurkan oleh fakulti dan anjuran bersama agensi lain. Ini termasuklah Scientific Writing Workshop, 2nd Medical Colloquium dan Masters in Public Health

Staf fakulti telah memberi khidmat perundingan di hospital Kementerian Kesihatan dan sebagai pakar pelawat di hospital swasta. Beberapa staf akademik

juga dijemput sebagai pemeriksa luar dan menganggotai pasukan akreditasi.

Staf FPSK seramai 186 orang terdiri daripada 112 kakitangan akademik dan 74 kakitangan bukan akademik. Pada tahun 2004, seramai 8 orang kakitangan akademik, 6 orang staf bukan akademik baru melapor diri. Manakala 7 orang kakitangan akademik bersara dan 17 orang kakitangan akademik sedang melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.

Fakulti telah memperbaharui memorandum persefahaman yang ditandatangani dengan Fakulti Perubatan Universiti Osaka, Jepun. Fakulti giat menjalin perhubungan dan rangkaian dengan pihak negara seperti Australia, Venezuela dan Vietnam. Ia telah memberi peluang kepada fakulti untuk menerokai kerjasama dalam aspek-aspek pendidikan dan penyelidikan.

FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

Dekan

Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman

*Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar
Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani*

*Timbalan Dekan, Pascasiswazah & Penyelidikan
Musdi Haji Shanat*

*Ketua Program, Seni Halus dan Pengurusan Seni
Zulkarnain Zainal Abidin*

*Ketua Program, Seni Persembahan
Dr Hasnizam Abdul Wahid*

*Penolong Pendaftar
Nasriman Abdul Rahman*

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) telah ditubuhkan pada 1 September 1993 dan memulakan pengambilan pelajar pertamanya pada semester Julai sesi 1994/1995. Program pengajian yang ditawarkan oleh

FSGK telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi pada 2 Jun 1994 dan menerima pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam pada 14 Januari 1999. Pada awal pengambilan iaitu pada tahun 1994, jumlah pelajar prasiswazah adalah seramai 26 orang dan pada tahun 2004 ianya telah meningkat sehingga 213 orang pelajar prasiswazah iaitu penambahan sebanyak 87.8%. Pada tahun 2004, jumlah keseluruhan pelajar fakulti adalah seramai 522 orang dan 213 orang adalah daripada pelajar tahun satu iaitu sesi pengambilan 2004/2005. Manakala jumlah pascasiswazah yang berdaftar sehingga kini adalah seramai 8 orang. Jumlah pelajar prasiswazah yang telah bergraduat pada tahun 2004 ialah seramai 145 orang.

Pada tahun 2004, fakulti menawarkan enam program pengajian prasiswazah dan mengendalikan 130 kursus pada Semester 1 dan 2 Sesi 2004/2005. Program-program yang ditawarkan merupakan program yang direka khusus untuk memenuhi hasrat melahirkan pelajar yang mempunyai nilai seni kreatif yang tinggi, berinovasi di samping mempunyai ilmu pengetahuan tentang sistem pengurusan yang efektif sejajar dengan perkembangan dunia teknologi tanpa sempadan. Justeru itu nisbah jumlah pelajar dan pensyarah dikecilkan agar kakitangan akademik dapat memberi perhatian yang penuh kepada pelajar-pelajar mereka. Kursus-kursus yang ditawarkan sering dipantau di peringkat fakulti bagi memastikan kualiti yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran dan inspirasi dunia luar. Sehubungan dengan itu, kajian semula (pengemaskinian) kurikulum telah diadakan pada 22 Mac sehingga 24 Mac 2004 bertempat di Hotel Merdeka Palace, Kuching. Dr. Ches Skinner dari Universiti Lethbridge, Alberta, Canada telah dilantik sebagai Penasihat Penilai Luar dan Encik Zainal Abidin Ahmad Sharif (Zabas) dari galeri PETRONAS telah dilantik sebagai pemerhati kajian pasaran.

Kecemerlangan sesebuah fakulti bukan sahaja diukur melalui kejayaan pengajaran dan pembelajaran malahan penglibatan pembangunan dan penyelidikan (R&D) perlu diambil kira. Pada tahun 2004, fakulti telah berjaya memperolehi 6 geran penyelidikan fundamental. Penyelidikan yang dijalankan bukan sahaja berbentuk



konvensional iaitu menjurus kepada aplikasi dan teori tetapi juga di dalam bentuk produksi *artistic* dan *professional practice*. Pensyarah fakulti aktif berantisipasi dalam seminar dan persidangan, hasilnya 4 kertas kerja antarabangsa dan 5 kertas kerja peringkat kebangsaan telah berjaya dibentang. Ini tidak termasuk kertas-kertas kerja yang dibentang sewaktu dilantik sebagai penceramah jemputan.

Sejumlah 6 geran penyelidikan yang telah diperolehi oleh kakitangan akademik FSGK sepanjang tahun 2004. Antaranya termasuklah:

- *Loagan Bunut Inspirations: Works Given By Nature.*
Penyelidik: En. Sylvester Jussem, Dr. Khairul Aidil Azlin, En. Musdi Hj. Shanat, Dr. Nazlina Bte Shaari, Cik Norhayati Suleiman dan En. Isradzi Sarbini
Jumlah Geran: RM 20,000.00
- *Loagan Bunut: An Artistic Exploration*
Penyelidik: En. Wan Jamarul Imran, En. Zulkalnain Zainal Abidin, En. Anuar Ayob, En. Awangko Hamdan dan En. Shamsu Mohamad.
Jumlah Geran: RM 20,000.00
- *The Musical Styles of The Berawan Within The Upper Reaches Of Sungai Bunut, Sarawak East Malaysia.*
Penyelidik: Cik Ng Sie Ai, En. Abdul Riezal, Mr. Robert Lawrence dan En. Watson Satot
Jumlah Geran: RM 20,000.00
- *Film Funding In Malaysia: An Analysis Of Different Perspectives*
Penyelidik: En. Gregory Wee Lik Hoo
Jumlah Geran: RM 19,783.60
- *Utilizing Sago (*Metroxylon Spp*) Bark Waste For Value Added Products*
Penyelidik: Dr. Khairul Aidil Azlin B. Abdul Rahman
Jumlah Geran: RM 19,934.00
- *The Potential of Lembu As A New Material For Textile Fabrics*
Penyelidik: Dr. Nazlina Bte Shaari
Jumlah Geran: RM 21,080.00

Pelajar-pelajar berikut telah memenangi anugerah masing-masing:

- Nik Haslinda Binti Husain Adam, pelajar program Sinematografi telah memenangi Anugerah Emas untuk pertandingan *Cyberjaya Digital Video Competition 2004* di bawah kategori Drama Eksperimental.

• Mohammad Azmi bin Roslin, pelajar program Sinematografi telah memenangi Anugerah di Festival Filem Pelajar Malaysia 2004 (kategori Filem Eksperimental) di Kolej Yayasan Melaka.

• Margaret Bong Chew Jen, pelajar program Sinematografi telah memenangi Anugerah Emas untuk pertandingan *ASTRO Trycam Competition 2004* di bawah kategori pelajar, dan Anugerah Gangsa untuk pertandingan *Malaysian Video Awards 2004* di bawah kategori *Independent Self-Financed*.

• Nor Azura Abdul Aziz, pelajar Teknologi Seni Reka (Seni Reka Grafik) telah memenangi tempat ke-2 di dalam pertandingan *Poster Design Competition 2004* yang dianjurkan oleh *The United Nations Country Team Malaysia*.

• Aloysius Yapp, pelajar Ijazah Sarjana telah berjaya memenangi hadiah khas *The Fukuoda Asian Art Director Museum Award* untuk pertandingan *Asia Digital Art Awards 2004*.

Kumpulan Warisan Seni yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar FSGK telah memenangi dan berjaya menggondol tempat pertama dalam pertandingan koir peringkat UNIMAS sempena Bulan Kebangsaan pada 10 September 2004.

Staf FSGK sepanjang tahun 2004 berjumlah 53 orang, terdiri daripada 36 tenaga akademik dan 17 staf bukan akademik. Enam orang staf akademik telah kembali bertugas selepas kembali dari cuti belajar. Seramai tiga orang staf akademik fakulti bercuti belajar, dua orang di peringkat PhD dan seorang peringkat Sarjana.

FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

Dekan

Prof Datin Dr Napsiah Mahfoz

*Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar
Dr Rusli Ahmad*

*Timbalan Dekan, Pascasiswazah & Penyelidikan
Dr Hong Kian Sam*

*Ketua Program, Kaunseling
Mohd Razali Othman*

*Ketua Program, Pembangunan Sumber Manusia
Zaiton Hassan*

*Ketua Program, Sains Kognitif
Mai Sumiyati Ishak (sehingga 31 Oktober 2004)
Syafiq Fikri Abdullah @ Lee Nung Kion
(mulai 1 November 2004)*

Ketua Program, Pendidikan
Dr Norsiah Fauzan

Penyelaras, Kursus Bahasa
Farah Hanini Abdul Rahman

Penyelaras, Program Komersil
Shaziti Aman

Penolong Pendaftar
Ahmad Mujid Abdul Wahab

Tahun 2004 merupakan tahun yang cemerlang dan penuh peristiwa bagi Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) dari segi prestasi pelajar, perkembangan program pengajian dan penganjuran persidangan.

FSKPM menawarkan 10 program pengajian. Senarai program Kaunseling, yang mendapat kelulusan Lembaga Kaunselor Malaysia telah memperolehi pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Program Pendidikan (Matematik) telah ditawarkan pada sesi 2004/2005. Program Sains (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) telah ditukar nama kepada Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) selaras dengan keperluan Jawatankuasa Jaminan Kualiti IPTA.

FSKPM menawarkan 5 program prasiswazah yang melibatkan pengendalian 129 Kursus Teras dan Kursus Fakulti.

Untuk meningkatkan prestasi pengajian serta keterampilan dan kesahsiaan pelajar, fakulti bersama dengan Pusat Pemajuan Pelajar dan organisasi luar telah mengadakan pelbagai aktiviti pemajuan pelajar. Ini termasuklah Bengkel Kecemerlangan Akademik, Kursus Motivasi dan Kursus Penampilan Diri. Kursus menyediakan *Resume* dan Persediaan Menghadiri Temuduga juga diadakan bagi pelajar tahun akhir yang akan bergraduat.



Seramai 1,187 orang pelajar prasiswazah dan 102 pelajar pascasiswazah berdaftar di fakulti. Ia terdiri daripada 345 pelajar PSM, 324 pelajar Pendidikan (PKPG), 179 pelajar Sains Kognitif, 160 pelajar Kaunseling dan 176 pelajar TESL. Pelajar pascasiswazah terdiri daripada 102 orang calon Sarjana (PSM) dan 6 pelajar program Sarjana serta 4 pelajar program PhD melalui penyelidikan.

Pada Konvokesyen UNIMAS 2004, seramai 195 graduan menerima ijazah masing-masing. Mereka terdiri daripada 109 graduan PSM, 35 graduan Sains Kognitif, 30 graduan TESL, 20 graduan Sarjana (HRD) secara kerja kursus dan seorang graduan Sarjana Sains (Ergonomik Kognitif). Kini fakulti mempunyai 995 orang alumni. Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-8 menyaksikan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kaunseling) kepada 21 graduan sulung program.

Dua orang graduan fakulti masing-masing daripada Program Pembangunan Sumber Manusia dan Program Kaunseling telah mengharumkan nama fakulti dengan menerima Anugerah Pendidikan Diraja dan Anugerah Persatuan Siswazah. Pencapaian ini juga mencerminkan usaha gigih pensyarah fakulti dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sepanjang tahun 2004, FSKPM telah menganjurkan persidangan pendidikan antarabangsa EduCATE 2004 pada 23 hingga 24 Ogos 2004 di Hotel Crowne Plaza Riverside Kuching dengan tema "*Transforming Teacher Education in the Face of Globalisation*". Persidangan ini merupakan pendidikan antarabangsa yang pertama dianjurkan oleh UNIMAS dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia sejak penubuhannya pada 1993.

Fakulti telah mengadakan 2 sesi Hari Mentor-Mentee pada tahun 2004 iaitu pada 25 Jun 2004 di Dewan UNIMAS dan 24 November 2004 di Dataran Canselori. Program ini dapat menggalakkan interaksi antara pensyarah dan pelajar dan seterusnya menyuburkan kembali budaya kecemerlangan.



Fakulti telah mengadakan Program FSKPM Cemerlang yang bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar bagi membantu meningkatkan prestasi akademik.

Program dalam proses menambahbaik kurikulum dengan cadangan untuk mengubah nama ijazah daripada Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian (Pembangunan Sumber Manusia) kepada Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Sumber Manusia). Kurikulum dimantapkan dengan memberi penekanan seimbang kepada pengurusan dan pembangunan sumber manusia dan nama baru ijazah akan dapat memberi gambaran yang lebih tepat. Teras pengurusan digunakan sebagai asas kerangka program selaras dengan kehendak Jawatankuasa Jaminan Kualiti IPTA.

Program B.Sc TESL telah digantikan dengan B.Ed TESL. Pertukaran nama ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengajian Tinggi pada 21 Disember 2004.

Fakulti bercadang menawarkan 2 pengkhususan dalam program Sarjana Muda Sains (Sains Kognitif) iaitu Kecerdasan Buatan dan Psikologi. Nama baru yang dicadangkan ialah Sarjana Muda Sains Kognitif (Kecerdasan Buatan) dan Sarjana Muda Sains Kognitif (Psikologi).

Program baru yang ditawarkan mulai sesi 2004/2005 ialah program Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian (Matematik) dengan pengambilan 38 pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi pada sesi 2004/2005. Program yang akan dilaksanakan mulai 2005/2006 ialah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Sains Komputer). Program Sarjana Pendidikan mod kerja kursus dalam proses mendapat kelulusan dan dirancang ditawarkan mulai sesi 2006/2007. Program Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling) yang telah mendapat kelulusan Lembaga Kaunselor Malaysia pada tahun 2003 telah memperolehi pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 26 April 2004.

Sebanyak 22 projek penyelidikan sedang dijalankan oleh pensyarah Fakulti. Daripada jumlah ini, 9 dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fundamental UNIMAS.

Pada tahun 2004, staf akademik Fakulti telah berjaya menghasilkan 2 buah buku dan satu CD ROM prosiding persidangan *International Conference EduCATE* 2004. Staf Fakulti juga dalam proses menerbitkan 3 buah buku melalui Unit Penerbitan UNIMAS serta satu bab dalam buku yang disunting. Empat hasil penulisan staf akademik juga telah diterbitkan atau dalam proses penerbitan dalam jurnal antarabangsa dan 2 dalam jurnal kebangsaan. Sebanyak 27 kertas akademik berbentuk teoretikal atau berasaskan penyelidikan juga

telah diterbitkan dalam prosiding persidangan sementara 6 kertas akademik dan satu penyampaian poster telah dibentangkan dalam persidangan.

Pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran adalah satu pendekatan yang diberi perhatian oleh fakulti untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. *E-Pembelajaran* dengan menggunakan perisian *Quickplace* telah dilaksanakan pada tahun 2004 dalam 35 kursus (5 program kaunseling, 13 program pendidikan, 12 program sains kognitif dan 5 program pembangunan sumber manusia).

Staf akademik fakulti telah terlibat dalam beberapa khidmat perundingan. Antara projek penyelidikan termasuklah Projek Single Mother's Database System yang telah tamat pada bulan Jun 2004. Projek ini melibatkan pembangunan sistem pangkalan data untuk ibu tunggal di Sarawak. Projek Vehicle Maintenance Research (VMR) bermula pada November 2004 dan dijangka siap pada bulan Mac 2005. Projek ini bertemakan "C-Solutions for Quality Services" menggunakan pendekatan pemahaman dan kajian minda pemilik bengkel menyelenggara kenderaan, pengguna kenderaan, dan pihak berkuasa yang terlibat dalam pemantauan industri menyelenggara bengkel yang digabung jalin dengan pendekatan perniagaan, kejuruteraan pengangkutan, undang-undang perniagaan bagi meninjau implikasi pelaksanaan akta tersebut ke atas pihak perniagaan, pelanggan dan pihak berwajib yang berkaitan untuk membentuk intervensi atau penyelesaian penguatkuasaan dan pemantauan yang menguntungkan semua pihak. Projek ini melibatkan pensyarah FSKPM, FEB dan FK.

Projek The Design, Development and Evaluation of the KBSM English Form 3 – MyCD Courseware for the Ministry of Education dilaksanakan pada 14-29 Mei 2004. Projek MyCD KBSM English Form 3 merupakan fasa ketiga dalam siri pembangunan MyCD oleh Bahagian Buku Teks (Kementerian Pelajaran Malaysia) untuk subjek-subjek bahasa, sains dan matematik. MyCd ini dibekalkan bersama dengan buku teks KBSM English Form 3 mulai tahun 2005.

Fakulti telah menerima lawatan dari 5 orang anggota Jawatankuasa Perbandingan Kurikulum daripada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia pada 26 Februari 2004. Tujuan lawatan ini adalah untuk bertukar fikiran tentang kurikulum program pembangunan sumber manusia di peringkat pra dan pasca siswazah. Fakulti juga menerima kunjungan daripada 2 penyelidik RECSAM untuk berbincang tentang isu penyelidikan berkaitan pendidikan sains dan matematik pada November 2004.

Fakulti mempunyai 77 pensyarah, 17 tutor, 8 orang guru bahasa dan 18 staf pengurusan dan sokongan. Lapan orang daripada pensyarah dan 5 tutor cuti belajar. Seorang pensyarah dan seorang staf sokongan telah menamatkan perkhidmatan dalam tahun 2004 dan seorang berpindah ke UiTM. Manakala 2 staf fakulti dipinjamkan ke Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia.

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dekan

Prof. Madya Narayanan Kulathuramaiyer

Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar
Sapiee Jamel

Timbalan Dekan, Pascasiswazah & Penyelidikan
Dr Alvin Yeo Wee

Ketua Jabatan, Kejuruteraan Perisian
Dr Rosziati Ibrahim

Ketua Jabatan, Pengkomputeran Multimedia
Jacey-Lynn Minoi

Ketua Jabatan, Pengkomputeran Rangkaian
Johari Abdullah

Ketua Jabatan, Sistem Maklumat
Dayang Hanani Abang Ibrahim

Penolong Pendaftar
Hadijah Hj Morni

Fakulti menawarkan program-program yang memenuhi permintaan pasaran dengan menumpukan kepada asas-asas pengkomputeran dan pengaturcaraan yang kukuh. Pada masa ini, terdapat 351 orang pelajar prasiswazah yang sedang mengikuti program pengajian prasiswazah seperti berikut:

Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)
Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Rangkaian)
Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Maklumat)
Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Komputan)

Kesemua program Fakulti telah mendapat anugerah taraf Koridor Raya Multimedia. Program-program Fakulti juga telah menjalani Odit Jaminan Kualiti Akademik Rangka Kerja Kelayakan Malaysia oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia.

Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengiktiraf ijazah Sarjana Muda dalam dua bidang, iaitu



Pengkomputeran Rangkaian dan Pengkomputeran Multimedia sebagai setara dengan ijazah serupa dari IPTA tempatan.

FSKTM telah memulakan aktiviti-aktiviti untuk menampilkan untuk mempromosikan kemahiran dan keupayaan pelajar-pelajar kita dalam pembangunan generik. Sistem-sistem sokongan, termasuk Intranet dan Sistem Mentor-Mentee fakulti, telah dikukuhkan lagi. Perlanjutan tempoh penempatan industri untuk pelajar, telah mendapat maklumbalas yang positif dari kedua-dua industri dan pelajar. Promosi untuk membangunkan budaya perisian dengan sumber terbuka juga telah menghasilkan hasil-hasil yang positif.

FSKTM telah meluaskan hubungan dengan industri melalui program Inisiatif Akademik Sun dan Jalinan Akademik Microsoft. Kita telah mula menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan Alumni sejak tahun lepas. Kita telah menerbitkan Berita Alumni yang julung kali diadakan dan telah membangunkan sebuah laman web, bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

Peningkatan dan penambahan kemudahan diteruskan bagi menyediakan persekitaran pembelajaran-pengajaran dan penyelidikan semasa yang sesuai. Fakulti mempunyai 9 buah makmal komputer dan makmal sistem

Pengambilan pelajar baru peringkat prasiswazah berjumlah 115 orang berbanding 180 orang pada tahun 2003. Bilangan keseluruhan pelajar FSKTM pada tahun 2004 ialah 351 orang iaitu 330 orang peringkat



Ijazah Sarjana Muda, 16 orang peringkat Sarjana dan 5 orang bagi program doktor falsafah (PhD) secara penyelidikan. Kolokium Pascasiswazah fakulti yang pertama telah diadakan dengan jayanya pada bulan Oktober di mana sebanyak 22 kertas seminar telah dibentangkan dan diterbitkan di dalam buku prosiding kolokium.

Seramai 118 graduan menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 117 penerima Ijazah Sarjana Muda dan seorang penerima Ijazah Sarjana dalam Konvokesyen yang ke-8 pada Ogos 2004.

Dalam bidang penyelidikan dan perundingan, sejumlah 14 projek penyelidikan telah dijalankan oleh staf fakulti. Ianya terdiri daripada 18 projek penyelidikan jangka pendek bernilai RM347,468 yang dibiayai oleh UNIMAS. Sembilan daripada projek penyelidikan tersebut telah tamat dalam tahun 2004.

Penyelidikan di fakulti sedang digembeling oleh kumpulan-kumpulan penyelidikan teras. FSKTM mempunyai 3 kumpulan teras dalam bidang kepakaran Infrastruktur Maklumat, Pemprosesan Imej dan Sistem Maklumat Spatial dan Sistem Ilmuan. Sistem mentoran penyelidik telah diwujudkan dan satu bengkel metodologi penyelidikan telah diadakan untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti penyelidikan di fakulti. Pihak fakulti telah mendapat 10 geran baru Penyelidikan Fundamental pada tahun 2004.

FSKTM telah melibatkan diri dalam 2 projek perundingan baru sepanjang tahun ini iaitu Pembangunan Sistem Pangkalan Data GIS bagi SALCRA dan Penilaian Kesediaan Ilmu Masyarakat di Negeri Sarawak untuk Majlis Teknologi Maklumat dan Sumber Sarawak.

Staf FSKTM berjumlah 61 orang, terdiri daripada 46 jawatan akademik (32 pensyarah dan 14 tutor) dan 15 jawatan bukan akademik. Bilangan kakitangan akademik yang bercuti belajar untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negeri ialah 6 orang.

FAKULTI SAINS SOSIAL

Dekan

Prof Madya Dr Abd Mutualip Abdullah

Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar
Ahmad Nizar Yaakub

Timbalan Dekan, Pascasiswazah & Penyelidikan
Dr Andrew Aeria

Ketua Program, Kajian Antarakabangsa
Suseela Devi S Chandran

Ketua Program, Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan
Wan Sofiah Meor Osman (sehingga 30 November 2004)
Mohd Suhaidi Salleh (mulai 1 Disember 2004)

Ketua Program, Kajian Komunikasi
Siti Haslina Hussin

Ketua Program, Khidmat Sosial
Zamri Hj Hassan (sehingga 30 September 2004)
Dr Ling How Kee (mulai 1 Oktober 2004)

Ketua Program, Politik dan Pemerintahan
Mohd Faisal Syam Abdul Hazis
(sehingga 30 September 2004)
Prof Madya Dr James Chin Uug Ho
(mulai 1 Oktober 2004)

Ketua Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
Prof Madya Dr Spencer Empading Sanggin

Penolong Pendaftar
Abu Bakar Ibrahim (sehingga 30 November 2004)
Sharifah Mariawati Wan Kassim



Fakulti Sains Sosial (FSS) giat berusaha untuk menjadi pusat akademik yang cemerlang melalui program akademik yang bersifat bersepadan dan berdisiplin. Ini bertujuan agar segala ilmu pengetahuan dari perspektif sains sosial dapat dicapai dan digunakan untuk memandu dan merancang kemajuan masyarakat terutamanya dalam menangani cabaran globalisasi. Graduan berupaya merancang strategi serta mengambil langkah yang sesuai dan efektif dalam menangani cabaran yang timbul ekoran daripada kesan pembangunan yang pesat.

Pada tahun 2004, fakulti menawarkan sebanyak 6 program pengajian peringkat prasiswazah dengan sejumlah 100 kursus dikendalikan pada Semester 1 dan 2 Sesi 2004/2005.

FSS merupakan fakulti pertama UNIMAS yang telah

diaudit oleh Bahagian Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Tinggi pada 25 hingga 27 Februari 2004 untuk memastikan kualiti aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah ditahap kecemerlangan. Setakat ini fakulti belum lagi menerima maklumbalas hasil lawatan audit tersebut.

FSS terus berusaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam menangani cabaran arus pembangunan dan perubahan semasa. Seramai 703 orang pelajar mengikuti enam program pengajian prasiswazah yang ditawarkan di fakulti. Manakala di peringkat pascasiswazah pula, seramai 28 orang pelajar mendaftar di peringkat Sarjana dan 9 orang di peringkat Doktor Falsafah (5 daripada Kalimantan Barat).

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan program dan kursus yang ditawarkan adalah selari dengan perkembangan terkini. Fakulti telah mengadakan Bengkel Kajian Semula Kurikulum bagi memastikan kelancaran dan keberkesanannya kurikulum secara keseluruhan. Justeru, usaha mengemaskini kandungan kursus-kursus sedia ada dibuat disamping mewujudkan kursus-kursus baru bagi menggantikan kursus-kursus lama yang dimansuhkan. Fakulti turut menjemput panel daripada IPTA lain untuk mendapatkan pandangan bagi memastikan kurikulum fakulti relevan kepada tuntutan kesarjanaan dan juga permintaan pasaran.

Enrolmen di FSS pada tahun 2004 ialah 734 orang, iaitu 696 orang pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda, 28 orang peringkat Sarjana dan 10 orang bagi program doktor falsafah (PhD).

Seramai 239 graduan menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 230 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 9 penerima Ijazah Sarjana dalam Konvokesyen yang ke-8 pada Ogos 2004, berbanding 232 graduan pada tahun 2003. Alumni Fakulti sejak tahun 1997 hingga 2004 berjumlah 1082 orang.

Sepanjang tahun 2004, terdapat 10 projek penyelidikan yang dijalankan di fakulti. Disamping itu sebanyak 2

projek penyelidikan baru telah diluluskan di bawah skim geran jangka pendek.

Sebanyak 18 kertas kerja dan penyelidikan yang telah dibuat dibentangkan di persidangan-persidangan peringkat nasional dan antarabangsa. Sebuah buku telah diterbitkan di peringkat fakulti.

Pilihanraya pelajar MPP telah diadakan pada 4 Ogos 2004 dan telah dimenangi oleh Lim Soon Kiat untuk peringkat fakulti.

Persatuan Sains Sosial dengan kerjasama Amnesty International yang menyumbang bahan dan peralatan telah mengadakan pameran *Violence Against Women* sewaktu Konvokesyen 2004.

Fakulti telah mengadakan majlis ramah tamah tahunan di antara staf fakulti dan graduan 2004 serta keluarga mereka di ruang legar dan lobi pejabat am fakulti pada 14 Ogos 2004.

Lawatan panel luar daripada Prof Dato' Dr Abd Rahman Embong, IKMAS, UKM dan juga Prof Madya Dr Rashila Ramli, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM pada 1 hingga 3 Oktober 2004 untuk menilai silibus kurikulum fakulti di bengkel sumbangsaran fakulti.

Aktiviti pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan dan khidmat akademik disokong dengan pengurusan dan pembangunan sumber manusia di fakulti. Secara keseluruhannya, fakulti mempunyai 50 orang staf.

Staf akademik terdiri dengan 30 orang berjawatan tetap, 3 orang kontrak dan 5 orang tutor. Jumlah ini merangkumi seorang profesor, 4 daripada prof madya dan 28 pensyarah. Staf sokongan seramai 12 orang berjawatan tetap.

Fakulti sentiasa menitikberatkan pembangunan staf untuk menjamin kualiti tenaga pengajar. Tiga orang pensyarah dihantar ke dalam dan luar negeri untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Kedoktoran dan seorang tutor pada peringkat Sarjana dalam tahun 2004. Tahun 2004, seorang pensyarah telah kembali daripada cuti belajar. Staf fakulti turut dihantar menghadiri persidangan, seminar dan latihan untuk mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran serta mempersiapkan diri mereka dengan maklumat terkini.



FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER

Dekan

Prof Dr Murtedza Mohamed (sehingga Jun 2004)
Prof Madya Dr Shabdin Mohd Long (mulai 2004)

Timbalan Dekan, Pascasiswazah & Penyelidikan

Dr Lee Nyanti @ Janti Chukong (sehingga Jun 2004)
Prof Madya Dr Fasihuddin Badrudin Ahmad
(mulai Dis 2004)

Timbalan Dekan, Prasiswazah & Pemajuan Pelajar

Prof Madya Dr Mustafa Abdul Rahman

Ketua Program, Sains & Pengurusan Sumber Haiwan

Prof Madya Dr Mohd Tajuddin Abdullah

Ketua Program, Bioteknologi Sumber

Prof Madya Dr Kasing Apun
(sehingga November 2004)
Dr Awang Sallehin Awang Husaini (mulai Dis 2004)

Ketua Program, Kimia Sumber

Prof Madya Dr Zaini Assim (sehingga November 2004)
Dr Zainab Ngaini (mulai Dis 2004)

Ketua Program, Sains & Pengurusan Sumber Tumbuhan

Dr Ismail Jusoh

Ketua Program, Sains Dan Pengurusan Sumber Akuatik

En Khairul Adha A Rahim

Penolong Pendaftar

Abang Asmadi Abang Shokera
(sehingga November 2004)
Azeemah Ahmad (mulai Disember 2004)

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) beriltizam untuk menjadi sebuah pusat pengajian dan penyelidikan yang ulung dalam bidang sains dan teknologi disamping memupuk kesedaran mengenai kepentingan sumber alam semulajadi dan pengurusan yang mapan secara berterusan.



Sesi pengambilan 2004/2005 memperlihatkan program pengajian tertentu seperti bioteknologi dan kimia sumber di FSTS diisi sepenuhnya oleh calon-calon prajaya; sekaligus membuktikan program akademik FSTS menjadi pilihan utama pelajar. Penganugerahan hadiah biasiswa yang berprestij serta penerimaan masuk bekas graduan FSTS ke program pascasiswazah di universiti terkemuka seperti *University of Oxford* secara tidak langsung membuktikan program akademik di FSTS telah mencapai mutu yang cemerlang dan boleh dibanggakan oleh semua ahli FSTS. Namun begitu usaha berterusan dalam pemantapan kualiti dan penilaian kerelevanannya kursus-kursus mengikut kehendak pasaran semasa harus diberi penekanan untuk melahirkan graduan yang sentiasa diterapkan dengan maklumat terkini dalam bidang sains dan teknologi.

Dalam mencapai wawasan kerajaan untuk membentuk warga Malaysia yang serasi dengan era globalisasi, penekanan khusus telah diberi oleh FSTS terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran di semua peringkat pengajian. Pada tahun 2004 sekitar 90% dari kursus-kursus di FSTS khususnya kursus tahun pertama dan kedua telah ditawarkan dalam Bahasa Inggeris.

Bagi membantu pelajar mengatasi masalah pembelajaran mereka, FSTS telah memperkuuhkan sistem rundingcaranya. Di antara langkah yang telah diambil termasuklah mewujudkan satu pengkalan data mentor-mentee bagi memudahkan setiap pensyarah memberi maklumat awal kepada mentor sebaik sahaja pelajar yang bermasalah dikesan. Kaedah ini didapati amat berkesan dan telah mengurangkan bilangan pelajar yang bermasalah. Langkah ini serta beberapa langkah lain telah berjaya meningkatkan bilangan pelajar cemerlang khususnya yang menerima anugerah Dekan dan anugerah dari agensi lain.

Fakulti menawarkan lima program pengajian peringkat prasiswazah dengan sejumlah 137 kursus dikendalikan pada semester 1 dan 2 sesi 2004/2005.



Fakulti telah mendapat kelulusan Senat untuk menawarkan program baru secara *one-off* dengan kerjasama Asia Link (EU) iaitu Program Diploma Pascasiswazah dalam bidang Pengurusan Tanah Gambut pada sesi 2005/2006 di peringkat Ijazah

Bengkel penyemakan kurikulum pengajian prasiswazah telah diadakan pada 18 April 2004 bertujuan membincangkan secara terperinci kursus-kursus yang ditawarkan oleh setiap program mengikut keperluan semasa dan penstrukturkan semula program pengajian di FSTS kepada sistem pengajian empat tahun.

Seramai 765 orang pelajar mendaftar di FSTS. Daripada angka ini, 667 orang mengikuti program prasiswazah, 69 orang program Sarjana Sains, 22 program Sumber Sekitaran dan 7 orang program PhD melalui penyelidikan. Seramai 256 pelajar baru prasiswazah diambil masuk pada sesi 2004/2005.

Di Majlis Konvokesyen yang ke-8 pada Ogos 2004 seramai 187 graduan menerima ijazah masing-masing, terdiri daripada 166 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 21 penerima Ijazah Sarjana. Sejak tahun 1997 Fakulti telah berjaya menghasilkan 791 graduan (Alumni).

Pada tahun 2004 sebanyak 25 geran penyelidikan fundamental bernilai RM507,448 dan satu geran IRPA berjumlah RM183,000 telah diraih oleh staf FSTS. Ini menjadikan jumlah peruntukan geran penyelidikan yang diperolehi oleh staf akademik FSTS pada tahun 2004 adalah RM690,448. Jumlah keseluruhan geran penyelidikan yang aktif untuk staf akademik FSTS pada tahun 2004 adalah RM1,553,448.

Pada tahun 2004, tenaga akademik FSTS telah melibatkan diri dalam 25 projek perundingan bernilai RM2,536,837.

Fakulti berusaha untuk menggalakkan staf akademik memohon sendiri penyelidikan dan meningkatkan kerja-kerja penerbitan menerusi program *Intensified Effort in Priority Areas* (IEPA). Sebanyak 62 kertas penyelidikan telah diterbitkan dalam jurnal antarabangsa, tempatan dan prosiding seminar.

Sepanjang tahun 2004 sebanyak 42 seminar / persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah dihadiri oleh staf akademik FSTS.

FSTS dengan kerjasama Persatuan Sebatian Semulajadi Malaysia ke 20 telah menganjurkan Seminar Sebatian Semulajadi Malaysia dan dihadiri seramai 175 orang saintis dan penyelidik tempatan dan antarabangsa. Sebanyak lapan kertas jemputan, 50 kertas lisan dan 82 kertas poster telah dibentangkan. Kertas kerja yang dibentangkan merangkumi berbagai aspek kajian sebatian semulajadi seperti pemisahan dan pencirian, aktiviti biologi, sintesis dan aplikasi sebatian semulajadi dalam perubatan.

FSTS telah mengadakan ekspedisi Saintifik ke Taman Negara Loagan Bunut (TNLB), Miri yang bertujuan untuk mengumpul data mengenai kepelbaaan biologi TNLB serta mengenalpasti ancaman terhadap integriti persekitaran biologi dan fizikalnya. TNLB merangkumi kawasan seluas 10736 ha di bahagian tengah lembangan Batang Baram. Ekspedisi ini telah dianjurkan bersama oleh FSTS, Institut Kepelbaaan Biologi dan Pemulihan Alam Sekitar (IBEC), Jabatan Perhutanan Sarawak dan UNDP Malaysia.

Pada sesi 2004/2005 fakulti mempunyai seramai 68 staf akademik dan 34 staf sokongan. Staf akademik terdiri daripada 6 profesor, 15 prof. madya 37 pensyarah dan 10 orang tutor. Lapan orang staf akademik FSTS sedang cuti belajar dan sembilan orang lagi dipinjamkan ke pentadbiran pusat.

Pada tahun 2004, Fakulti giat menjalin hubungan dan rangkaian dengan pihak luar. Bentuk kerjasama meliputi penglibatan staf akademik dari luar sebagai profesor pelawat FSTS, penglibatan langsung staf akademik kedua-dua pihak dalam pelaksanaan program pendidikan seperti program SLUSE dan PEATWISE dan perkongsian dana dalam penyelidikan bersama dan penawaran program latihan dan khusus kepada staf akademik FSTS.

Fakulti berlitzam mencapai kecemerlangan melalui kegiatan pengajaran-pembelajaran serta penyelidikan yang berkualiti dan relevan dalam bidang-bidang sains dan teknologi berhubung dengan pengurusan dan penggunaan sumber semulajadi. Kerelevan telah dicapai melalui jalinan hubungan kerjasama dan pertukaran pendapat dengan organisasi awam dan swasta.

Kerjasama tersebut termasuklah:

- Kerjasama dalam pembangunan kurikulum pengajian;
- Kerjasama dalam berbagai projek penyelidikan dan ekspedisi saintifik;
- Kerjasama dalam penilaian program pengajian; dan
- Kerjasama dalam pengajaran-pembelajaran (dengan memanfaatkan pengalaman praktikal yang luas di kalangan pakar luar, terutamanya dari sektor swasta).



LAPORAN INSTITUT

INSTITUT KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR



Pengarah

Prof Madya Dr Andrew Alek Tuen

(mulai 1 November 2003)

Ekologi Pemakanan

Pensyarah

Prof Madya Dr Indraneil Das

Herpetologi

Pensyarah

Prof Madya Dr Lau Seng

Kimia Alam Sekitar

Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IKBPAS) telah ditubuhkan di UNIMAS untuk meneraju penyelidikan dalam dua bidang teras, iaitu kepelbagaian biologi dan pemuliharaan alam sekitar. Pelbagai program penyelidikan yang berupa kajian taksonomi dan ekologi fauna serta tinjauan dan pemuliharaan ekosistem telah dijalankan. Ini telah menghasilkan beberapa pangkalan data kepelbagaian biologi dan 28 penerbitan ilmiah.

Semua program pascasiswazah di institut ini adalah melalui penyelidikan dan pada tahun 2004 institut mencatatkan pendaftaran tujuh orang pelajar Sarjana dan seorang pelajar PhD.

Pada tahun 2004, Dr. Indraneil Das telah menerima geran berjumlah RM250,000.00 untuk kajian herpetofauna di Borneo dan Dr. Lau Seng mendapat geran latihan dari European Union untuk mengikuti kursus hydrologi di Netherlands selama sebulan.

Pada tahun yang sama IKBPAS berjaya menandatangani tiga MOU dengan agensi kerajaan dan swasta untuk mempergiatkan penyelidikan. Hasil daripada satu MOU, ekspedisi saintifik telah dijalankan di Taman Negara Loagan Bunut dan ini diikuti dengan seminar bertajuk "Diversity of Loagan Bunut National Park". MOU yang lain ialah dengan syarikat swasta Malesiana Tropicals Sdn. Bhd. dan dengan universiti dari Norway dan Belanda.

Program Pengajaran dan Pembelajaran di IKBPAS adalah di peringkat pascasiswajah melalui penyelidikan sahaja. Pada 2004, institut menawarkan pengajian dalam bidang entomologi, herpetology, sains persekitaran dan ekologi perhutanan.

IKBPAS mencatatkan kemasukan 7 orang pelajar sarjana dan seorang pelajar PhD pada tahun 2004. Ini mengekalkan peningkatan bilangan pelajar yang diambil serta meningkatkan jumlah enrolmen pelajar kepada 18 orang. Sepanjang penubuhannya IKBPAS telah mendaftarkan 2 orang pelajar pascasiswazah antarabangsa masing-masing berasal dari United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Sehingga tahun 2004, IKBPAS telah mengeluarkan 9 orang graduan Sarjana Sains dalam pelbagai bidang. Kesemua graduan ini telah mengikuti pengajian secara penyelidikan.

Institut telah melantik beberapa orang Felo Penyelidik dari luar negara sebagai kolaborator dalam penyelidikan ekologi hutan dan sistematik fauna. Mereka ialah:

- Dr. Stuart James Davies, Centre for International Development, Harvard University
- Dr. Alexander Haas, Hamburg University, Germany
- Dr. Eduard Vives, Museu de Zoologia de Barcelona, Barcelona, Spain
- Dr. C.G. Treadaway, FRES Entomologie II, Senckenberg Museum Frankfurt, Germany
- Dr. Peter K. Ng, National University Singapore, Singapore

Kegiatan penyelidikan di IKBPAS semakin giat dengan termeterainya tiga memorandum persefahaman (MOU). MOU yang pertama ialah dengan FRIM dan Jabatan Perhutanan Sarawak untuk menganjurkan ekspedisi pelbagai bidang di Taman Negara Loagan Bunut pada bulan Mac hingga April 2004. Ekspedisi tersebut dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fundamental dari Unimas (RM200,000) dan UNDP-GEF Peatswamp Project (RM47,200). MOU yang kedua ditandatangani pada


bulan Ogos 2004 dengan syarikat swasta Malesiana Tropicals Sdn. Bhd. MOU ini ialah untuk mendapat geran Industri Grant Scheme (IGS) berjumlah RM200,000 daripada MOSTI untuk projek propagasi tiruan tumbuhan kumpulan Zingiberaceae. MOU yang ketiga ialah dengan dua buah universiti dari Eropah, iaitu The Agricultural University of Norway dan The Royal Veterinary and Agriculture University, Denmark untuk projek Ekosan. Projek Ekosan yang diketuai oleh Dr. Lau Seng juga memberikan ruang untuk pertukaran pelajar dan staf antara UNIMAS dan universiti dari Norway dan Belanda.

Tahun 2004 mencatat kejayaan kepada Dr. Indraneil Das yang memperolehi Pembiayaan Geran Penyelidikan Yayasan Volkswagon dari German. Pembiayaan untuk tempoh 3 tahun itu bermula tahun 2004 dengan jumlah keseluruhan biayaan mencecah RM250,000.00.

IKBPas mempunyai 5 projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fundamental dari Kementerian Pendidikan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM94,550.00. Projek-projek ini telah diluluskan pada tahun 2002 dan 2003 dan dijangka akan tamat pada penghujung tahun 2005. Penerbitan tersebut menggambarkan kekuatan IKBPas sebagai institusi yang meneraju penyelidikan dalam bidang kepelbagaiannya biologi di kawasan tropika khasnya Borneo.

Lanjutan dari Ekspedisi Saintifik Loagan Bunut 2004, satu seminar bertajuk Diversity of Loagan Bunut National Park telah berjaya dianjurkan pada 2 hingga 3 Ogos 2004 di Hotel Grand Continental, Kuching. Seminar tersebut disertai oleh 179 peserta dan sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan. Hasil daripada kajian di Taman Negara Loagan Bunut diterbitkan sebagai monograf pada tahun 2005.

Projek perundingan yang dijalankan oleh staf akademik IKBPas pada tahun 2004 adalah seperti berikut:



Projek Sedang berjalan	Projek 1	Projek 2	Projek 3
Nama Projek	Development of the Batang Rajang Bridge, Sibu Environmental Management Plan	Pakar Kepelbagaian Herpetology Taman Negara Loagan Bunut	Pakar Hydrologi Taman Negara Loagan Bunut
Nama Staf	Prof. Madya Dr. Lau Seng	Prof. Madya Dr. Indraneil Das	Prof. Madya Dr. Lau Seng
Nama Klien	Jabatan Kerja Raya, Sarawak	UNDP/Global Environmental Facility (GEF)	UNDP/Global Environmental Facility (GEF)
Nilai	RM98,257.60	RM35,000.00	RM38,000.00

Projek 1

Projek Pembinaan Jambatan Batang Rajang, Sibu, Sarawak adalah di bawah kelolaan Jabatan Kerja Raya, Sarawak. Program pemantauan alam sekitar bagi projek ini diketuai Dr. Lau Seng dari Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar serta dibantu Dr. Mustafa Abdul Rahman dan En. Robert Malong. Program pemantauan alam sekitar ini adalah bertujuan menilai keberkesanannya langkah-langkah tebatan yang diambil oleh pihak kontraktor projek mampu mengurangkan atau mengelakkan sama sekali kesan-kesan negatif alam sekitar. Program pemantauan ini juga berhasrat untuk memastikan segala perundungan dan peraturan alam sekitar dipatuhi bagi menjamin keselamatan pekerja, orang ramai dan juga alam sekitar. Kerja pemantauan melibatkan penilaian kualiti air, kualiti udara dan tahap kebisingan di sekitar tapak projek. Program ini akan berterusan sehingga siapnya projek pembinaan Jambatan Batang Rajang yang dijangkakan pada 2006.

Projek 2

Projek yang diketuai oleh Dr. Indraneil Das ini bertujuan mengumpul data asas mengenai kepelbagaian amfibia dan reptilia di Taman Negara

Loagan Bunut serta kesan perubahan paras air terhadap taburan dan kelimpahan kumpulan haiwan tersebut. Dari kajian ini, satu pangkalan data berfoto akan diwujudkan untuk kegunaan penerbitan, meningkat kesedaran awam terhadap pemuliharaan dan untuk tujuan ekopelancongan. Projek ini dijangka tamat pada tahun 2005.

Projek 3

Kajian hidrologi dan kualiti air di Loagan Bunut merupakan projek tajaan UNDP/GEF. Prof. Madya Dr. Lau Seng dilantik sebagai pakar hidrologi dan kualiti air tempatan untuk menjalankan kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat utama berhubung sistem hidrologi di paya gambut Loagan Bunut yang agak unik. Loagan Bunut sering mengalami kekeringan dalam musim kemarau panjang. Kajian ini ingin menentukan sumbangan paya gambut di sekeliling tasik sebagai punca simpanan air. Kualiti air tasik ini juga adalah penting bagi menampung hidupan akuatik yang banyak dimana sumber pencarian penduduk tempatan bergantung. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun dan dijangka berakhir pada penghujung 2005.

Selain daripada projek di atas, Dr. Andrew Alek Tuen adalah perunding bersama dalam projek pencemaran Batang Rajang khususnya kajian hidupan liar yang mendiami hutan tepi sungai. Projek perundingan ini dibiayai oleh Jabatan Alam Sekitar. Dr. Andrew Alek Tuen dan Dr. Lau Seng juga merupakan perunding bersama dalam kajian EIA Empangan Bengoh, khususnya komponen fauna dan kualiti air.

IKPAS mempunyai 3 orang staf akademik dan 5 orang staf sokongan pentadbiran. Seorang daripada staf sokongan yang dilantik pada tahun 2004 ke dalam jawatan OMPD ialah En. Mahadir b Sidi.

IKPAS berhasrat untuk mengisi semula kekosongan jawatan pemegang kerusi Shell. Dengan adanya penjawat jawatan pemegang kerusi Shell, akan dapat meneraju dan memangkin penyelidikan pemuliharaan alam sekitar.

Selain daripada itu, IKPAS sedang berusaha membawa masuk beberapa orang lagi feto penyelidik dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang untuk berkhidmat dengan institut. Ini dapat memperluaskan lagi skop penyelidikan dalam bidang pemuliharaan alam sekitar serta dapat membantu membimbing pelajar-pelajar sarjana IKPAS pada masa yang sama.

IKPAS telah menyediakan 2 buah makmal yang telah

digunakan dan dikongsi bersama pelajar-pelajar pasasiswa institut dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Makmal yang dimaksudkan adalah Makmal Analisis Alam Sekitar dan Makmal Molekular. Institut berharap pada tahun 2005 akan dapat memperlengkapkan makmal sepenuhnya.

IKPAS terus dikenali di kalangan komuniti penyelidik kepelbagaian biologi dan pemuliharaan dan mempunyai rangkaian kerjasama penyelidikan dengan 13 institusi tempatan dan antarabangsa. Di antaranya ialah FRIM, Sarawak Forestry Corporation, Sarawak Development Institute, Lembaga Sungai Sarawak, Museum Sarawak, National University of Singapore, Raffle's Museum Singapore, United Nation Development Program dan lain-lain.



INSTITUT KESIHATAN DAN PERUBATAN KOMUNITI

Pengarah

Prof Dr Mary Jane Cardosa

Pegawai Sains

Fauziah Dahan

Dalam tahun 2004, IKPK terus memperkuuhkan kemajuan dalam penyelidikan enterovirus dan flavivirus. Program pembentukan vaksin flavivirus terus mendatangkan hasil dan program pengawasan untuk enterovirus 71 dan penyakit tangan, kaki dan mulut berterusan untuk tahun ke-6 dengan jayanya. Tiada wabak enterovirus 71 dikesan tahun ini. IKPK terus menjalankan perkhidmatan makmal diagnostik untuk Jabatan Kesihatan Sarawak dan membantu dalam mengawal jangkitan virus.

Institut telah menandatangani tiga MOU pada tahun 2004. MOU tersebut telah meningkat kegiatan penyelidikan, memupuk kerjasama serta menjalin perhubungan antara IKBPAS dan institusi yang berkaitan.

Pada tahun yang sama, IKBPAS dikunjungi beberapa pelawat antarabangsa termasuk Earl of Cranbrook dari UK, Dr. Diong dari National University of Singapore, Professor Dr. Robert Inger dari Field Museum of Natural History, Chicago, Prof. Dr. Knot Werner Alsen dari Agriculture University of Norway, Prof. Dr. Petter D. Jenssen dari Department of Mathematics & Engineering University of Agriculture Norway, Mr. Ib Larsen (Chief Technical Adviser) dari Urban Environmental Management System Project Denmark, Assoc. Prof. Dr. Jakob Magid & Prof. Dr. Hans Chr B. Hansen dari Department of Agricultural Sciences Royal Veterinary University of Denmark, Dr. Ken Gnanakan dari ACT (NGO) India, Lord Cranbrook dari Glemham house UK, En. Shukor Md. Nor dari Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengurusan Institut ditadbir urus oleh seorang pengarah, 2 orang pensyarah dan 5 orang staf sokongan pentadbiran. Institut juga telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelidikan dan Jawatankuasa Pascasiswazah di peringkat institut. Jawatankuasa tersebut dipengerusi oleh Pengarah dan ahlinya terdiri daripada pensyarah institut dan pensyarah dari FSTS.

Ekoran langkah kerajaan menggalakkan perbelanjaan berhemah, institut telah diperuntukkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM90,000.00 untuk dua tahun berturut-turut bermula tahun 2003. Sebanyak 80% daripada jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus telahpun dibelanjakan untuk pengurusan, pengajaran dan penyelidikan.

Dr. Lau Seng telah mengikuti kursus hidrologi di University of Wageningen, Netherlands selama satu bulan. Latihan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti di bawah program Asia-Link, projek Peatwise tajaan European Union.

Ini merupakan tahun yang malang untuk penerbitan kerana kami hanya menerbitkan 1 kertas di dalam *peer reviewed* jurnal antarabangsa dan 5 persembahan dalam konferensi dan seminar. Bilangan staf dan pelajar bertugas di makmal berkurangan berikutan pelajar memulakan tugas menyiapkan tesis mereka. Walau bagaimanapun, inroads utama telah dibuat tahun ini dalam makmal proteomik yang mula berfungsi lewat 2003, dan keputusan ini akan mula diterjemahkan dalam kertas penyelidikan dalam tahun-tahun yang akan datang.



INSTITUT PENGAJIAN ASIA TIMUR

Pengarah

Prof Dr Abdul Rashid Abdullah

Pemegang Kerusi, Pengajian Dayak

Prof Dr Dimbab Ngidang

Pemegang Kerusi, Pengajian Nusantara

Prof Abdul Halim Ali

Felo Penyelidikan Kanan, Pengajian Sino-Borneo

Dr Lam Chee Kheung


Pengajian Dayak

Jayl Langub

Institut Pengajian Asia Timur (IPAT) di UNIMAS menggalakkan pemahaman mendalam dalam persekitaran sosio ekonomi dengan memberikan kemudahan dalam pelbagai program dan aktiviti disiplin untuk menambahkan pemahaman terhadap perspektif di bahagian Borneo - Kalimantan.

Bahan penerbitan dan penyebaran pengetahuan tentang Borneo-Kalimantan merupakan satu asas kepada aktiviti akademik bagi IPAT. Kewujudan dan promosi bahan-bahan monograf, bibliografi dan siri kertas kerja Institut telah mendatangkan banyak manfaat kepada UNIMAS. IPAT telah bekerja keras untuk membina terbitan ilmiah melalui usaha sendiri, menerbitkan dan menyebarkan bahan kajian yang berguna.

IPAT bukan sahaja menitikberatkan kemahiran penulisan, pengeditan dan penghasilan bahan-bahan terbitan, tetapi merangkumi bidang pemasaran, penyebaran dan juga kerjasama dengan individu-individu, perpustakaan dan kedai-kedai buku serata dunia. Ini telah memberikan UNIMAS pengiktirafan yang tinggi di kalangan universiti-universiti antarabangsa dalam pembelajaran/kajian mengenai Borneo- Kalimantan.



Setakat tahun 2004, terdapat 10 buah kertas kerja yang telah dihasilkan. Dua daripadanya diterbitkan pada bulan Oktober dan Disember 2004, yang bertajuk "Demographic Change of the Chinese in Sarawak, 1960-2000" dan "The Malay Population of Sarawak, 1947-2000" oleh Dr. Lam Chee Kheung. Beliau merupakan seorang felo penyelidikan kanan di bawah tajaan Kerusi Sino-Bornean. Pada bulan Julai 2004, beliau telah menambahkan bibliografi ke 7nya bertajuk "Bibliography of Studies on and about the Chinese in Sarawak and Borneo".

IPAT telah membuat perbincangan mengenai pertukaran bahan-bahan untuk kajian dengan beberapa buah universiti. Beberapa persetujuan telah diperolehi termasuklah dengan Kyoto University, University of Hull, KITLV, University of the Philippines, Academia Sinica, UKM dan Chinese University of Hong Kong.

Antara aktiviti yang dianjurkan termasuklah seminar, pengucapan awam, projek penyelidikan dan bicara buku di bawah tiga kerusi yang diterajui oleh IPAT iaitu Kerusi Pengajian Dayak Studies, Kerusi Nusantara dan Kerusi Sino-Bornean.

Sebanyak 12 kertas kerja telah dibentangkan dalam 8 siri seminar yang dianjurkan.



Kerusi Dayak Studies

Sejak awal tahun 2003, jawatan bagi pemegang kerusi Pengajian Dayak telah dikosongkan setelah Prof. Clifford Sather menamatkan kontrak beliau. Selama lebih kurang setahun jawatan ini tidak diisi kerana belum ada calon yang sesuai yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan bagi menerajui pengajian dayak ini.

Pada 1 Januari 2004, Prof. Dimbab Ngidang telah menyertai pengajian dayak sebagai seorang felo penyelidik, dan kerana komitmen yang beliau berikan maka pada 1 Ogos 2004, beliau telah dilantik untuk menyandang jawatan sebagai pemegang Kerusi Dayak Studies secara rasmi selama 2 tahun. Sebelum ini beliau merupakan Dekan di Fakulti Sains Sosial.

Dua buah penerbitan program Kajian Dayak termasuklah:

- Ngidang, Dimbab
2004 "Transformation of the Iban land use system",
Borneo Research Bulletin
- Langub, Jayl
2004 "Leadership among the Penan of Belaga district in Sarawak Malaysian Borneo" in A. R. Walker (ed) *Leadership, Justice and Politics at the Grassroots. Contributions to Southeast Asian Ethnography* No. 12 July 2004. (Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.)

Kerusi Nusantara

Kerusi Nusantara telah diisi oleh Prof. Abdul Halim Ali mulai 1 Januari 2003. Beliau adalah seorang ahli akademik dari Universiti Malaya (1968-1969) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1970-2002) dalam bidang kajian masyarakat Melayu di Semenanjung, Sabah, Australia Barat dan urbanisasi di Sarawak.

Kajian "Peluasan Pasaran dan Komuniti Melayu di



Barat Sarawak" mula dikaji sejak awal tahun 2003 oleh 7 orang para penyelidik dari UNIMAS. Sehingga kini, laporan 9 bab draf tersebut telah dijilidkan untuk pemeriksaan dan penilaian Jawatankuasa Penyelidikan UNIMAS.

Sementara itu, para anggota pasukan penyelidik projek ini sedang menyediakan bahagian II laporan penyelidikan yang mengandungi profil etnografi 14 kawasan penyelidikan.

- Pasir Pandak/Panjang
- Buntal
- Sejingkat
- Bako
- Telaga Air
- Teluk Melano
- Tanah Hitam
- Pulau Salak
- Santubong
- Muara Tebas
- Sibu Laut
- Trusan Jaya
- Teluk Serabang
- Sempadi

Bersumberkan data yang diperolehi daripada projek penyelidikan ini, maka dalam tempoh enam bulan kebelakangan tiga anggota kumpulan penyelidikan telah membentangkan tiga kertas kerja di dua seminar : (En. Mohamad Suhaidi Salleh dan En. Ahmad Nizar Yaakub di UTM Skudai dan En. Faisal Syam di UKM.

Laporan bahagian II ini berasaskan pengamatan para penyelidik tentang kawasan tersebut yang dilaksanakan secara berkelompok dan serentak. Sumber-sumber lain kepada laporan bahagian II ialah perangkaan yang diperolehi daripada laporan survei isirumah di kawasan tersebut oleh Jabatan Statistik Malaysia. Sumber terakhir pula ialah pengamatan di kawasan-kawasan diatas yang dilaksanakan oleh para mahasiswa FSS, UNIMAS dalam rangka kurikulum kursus TITAS. Ketiga-tiga sumber maklumat ini akan digabungkan. Laporan Bahagian II ini dijangka siap selewat-lewatnya pada April 2005.



Kerusi Sino-Bornean

Di bawah program kajian Sino-Bornean, pada 9 Oktober 2003, sebanyak RM 1 juta telah dimasukkan ke dalam dana tersebut dan RM 1.5 juta lagi akan diberi oleh sektor-sektor lain dari komuniti cina. Mulai 2 Januari 2004, Dr. Lam Chee Keung dilantik sebagai Pensyarah Kanan di bawah Kerusi Sino-Bornean. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pegawai Kanan Penyelidikan di bahagian Kaunsel Pembangunan Sosial di bawah Kementerian Pembangunan Sosial sebelum beliau menyertai kolej swasta sebagai Dekan (Pengurusan Akademik) selama 11 tahun.

Tiga buah penerbitan Program Sino-Bornean

- Bibliography of Studies on and about the Chinese in Sarawak and Borneo.
- Demographic Change of The Chinese in Sarawak, 1960-2000.
- The Malay Population in Sarawak, 1947-2000.

Manakala projek penyelidikan pula termasuklah penyelidikan bertajuk "The Chinese Muslims in Sarawak" yang merangkumi sampel penganutan agama Islam di Kuching, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas.



LAPORAN PUSAT

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

Dekan

Prof Dr Mohd Azib Salleh

Penolong Pendaftar

Abg Asmadi Abg Shokeran


Pusat Pengajian SiswaZah(PPS) yang ditubuhkan pada 1 April 2003, bertanggungjawab untuk menyelaras dan memperkembang program peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana di UNIMAS. Penubuhannya adalah selaras dengan aspirasi UNIMAS untuk menjadi sebuah universiti ulung yang menawarkan program-program pengajian di peringkat ijazah tinggi.


Misi PPS adalah untuk memartabatkan program pengajian pascasiswaZah sebagai pentas perdana untuk wacana ilmiah dan kegiatan penyelidikan dan pembangunan di UNIMAS.

PPS memberi tumpuan terhadap pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah khususnya melalui penyelidikan. Penawaran projek-projek penyelidikan yang mencerminkan perkembangan terkini dalam bidang-bidang utama seperti bioteknologi, teknologi maklumat, kejuruteraan dan sains bioperubatan telah menarik minat ramai pelajar dari dalam dan luar negara.

Sepanjang tahun 2004, jumlah pelajar pascasiswaZah baru yang mendaftar adalah seramai 234 orang. Daripada jumlah ini, 18 orang adalah pelajar peringkat ijazah Doktor Falsafah dan 216 orang peringkat Sarjana. Jumlah enrolmen pelajar pada tahun 2004 adalah seramai 563 orang yang terdiri daripada 64 pelajar peringkat Doktor Falsafah dan 499 peringkat Sarjana. Jumlah ini menunjukkan peningkatan 25% berbanding 450 orang pelajar pada tahun 2003. Enrolmen pelajar pascasiswaZah mewakili 10% daripada jumlah pelajar UNIMAS keseluruhannya pada sesi pengajian 2004/2005.

Sementara itu, program-program pascasiswaZah di UNIMAS semakin menarik minat pelajar luar negara. Seramai 17 pelajar dari beberapa negara termasuk Indonesia, Vietnam, Filipina, India, Singapura dan Amerika Syarikat kini sedang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana di UNIMAS. Kekurangan tempat kediaman dalam kampus serta ketiadaan biasiswa/bantuan kewangan menghalang pengambilan lebih ramai pelajar luar negara.





Peningkatan Jumlah Ambilan dan Graduan 1994-2004

UNIMAS menawarkan pelbagai program dalam bidang pengajian yang bersetujuan dengan minat pelajar dan keperluan negara. Program-program ini ditawarkan dalam dua mod iaitu secara kerja kursus dan penyelidikan. Program secara kerja kursus memberi peluang kepada golongan profesional yang sudah bekerja untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, sekaligus membantu kemajuan kerjaya mereka. Manakala program melalui penyelidikan menyediakan saluran bagi graduan muda yang berhasrat menjadi penyelidik atau menyertai kerjaya dalam bidang akademik.

Kategori	Doktor Falsafah	Sarjana
Sains Tulen	15	101
Sains Gunaan	9	97
Sastera	15	30
Kejuruteraan	9	24
Bioperubatan	7	14
Teknologi Maklumat	5	50
Sastera Iktisas	4	183
Jumlah	64	499

Pecahan Pelajar Pascasiswazah Mengikut Bidang dan Peringkat Pengajian 2004


Program Sarjana Korporat Pentadbiran Perniagaan (Bidang Sastera Iktisas) merupakan program berasaskan kerjakursus yang paling popular dengan jumlah pelajar seramai 173 orang. Sementara itu projek-projek yang berhubung kait dengan bioteknologi dan sains alam sekitar (Bidang Sains Tulen dan Sains Gunaan) menjadi pilihan utama pelajar yang mengikuti

program berasaskan penyelidikan. Perkembangan ini selari dengan hasrat universiti mempergiatkan aktiviti penyelidikan dalam bidang keutamaan yang telah dikenalpasti.

Selain menguruskan rekod akademik pelajar pascasiswazah, Pusat Pengajian Siswazah juga

berperanan sebagai pusat yang menguruskan skim-skim biasiswa yang terdiri daripada Zamalah Pascasiswa UNIMAS, Zamalah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Zamalah Yayasan Sains Kebangsaan (NSF). Dari tahun 1995 sehingga 2004 seramai 170 orang

pelajar telah berjaya dipilih sebagai penerima zamalah-zamalah ini. Kewujudan skim-skim biasiswa ini telah membantu meningkatkan jumlah pelajar pascasiswa di UNIMAS.



PUSAT PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PERUNDINGAN

Pengarah

Prof Madya Dr Haji Kopli B Bujang

Penolong Pendaftar

Puan Sharosliza binti Azman

Pegawai Penyelidik

En Robert Malong

Penubuhan Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan (PPTP) pada 23 Ogos 1993 adalah bertepatan dengan usaha UNIMAS mewujud dan mengembangkan kerjasama erat di antara Universiti - Industri terutamanya dalam era K-Economy. Menerusi kerjasama yang sedia ada, UNIMAS memanfaatkan pengalaman dan kepakaran luas para sarjananya kepada masyarakat luar terutama pihak industri melalui kerja-kerja perundingan, pemindahan teknologi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPTP. Tahun 2004 menyaksikan lebih 40 projek perundingan dan pemindahan teknologi kepada pihak luar dengan nilai projek keseluruhan mencapai angka RM3.5 juta.

• Penyelidikan & Perundingan Kontrak

- Penyelidikan khusus dalam sains tulen, sains sosial dan sains perubatan
- Penyelidikan khusus dalam seni, teknologi maklumat dan kejuruteraan
- Pengkajian persekitaran (termasuk EIA)
- Perundingan perubatan khusus

• Eksplorasi kimia

• Pendidikan Kontrak / Latihan Eksekutif

- Program pendidikan peringkat sarjana khusus bagi golongan bekerja, secara separuh masa.
- Kursus jangka pendek dalam bidang teknologi maklumat, multimedia, pengurusan, pembangunan sumber manusia, pengurusan persekitaran dan lain-lain.

• Pengurusan Inovasi dan Teknologi

- Pembangunan perisian
- Perlesenan paten / hakcipta
- Pembangunan proses produk
- Pemeriksaan prototaip

• Perkhidmatan Lain

- Produksi seni dan persembahan
- Pengurusan seminar dan persidangan

Pada tahun 2004, kerja-kerja perundingan yang diperolehi oleh PPTP meningkat jumlahnya dari segi bilangan dan nilai keseluruhan berbanding pada tahun 2003. Dengan pertambahan bilangan projek sedikit sebanyak memberi keyakinan kepada PPTP bahawa pendekatan yang diambil sebelum ini iaitu memberi sebanyak peluang dan kerjasama erat kepada para pensyarah dan penyelidik yang berminat untuk melibatkan diri bersama-sama PPTP dalam kerja-kerja perundingan.

Tujuannya adalah bagi memberi ruang kepada kalangan pensyarah mengembangkan kepakaran bersifat gunaan kepada masyarakat industri dan komuniti agar tidak dilihat sebagai ilmuwan berdasarkan teori di bilik kuliah semata-mata.

Staf sokongan PPTP seramai enam orang pada tahun 2004. PPTP pada tahun 2003 menganjurkan "Education Booth" di Hotel Hilton, Kuching pada 18 September 2004, di mana orang ramai diberikan penerangan percuma untuk semua Program Komersil di UNIMAS.

Tahun 2004 ini menyaksikan urusan pentadbiran dan kewangan bagi program pendidikan kontrak seperti Corporate Master Business Administration (CMBA), Program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia-Fleksi), Program Sarjana Teknologi Maklumat dan Program Sarjana SLUSE, dikendalikan sepenuhnya oleh pusat ini dengan jalinan kerjasama erat di antara fakulti-fakulti terlibat dan Pusat Pengajian Pascasiswazah.

Selain daripada kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan, PPTP juga aktif dalam menyediakan kursus-kursus jangka pendek kepada badan-badan kerajaan tempatan dan sektor-sektor swasta. Staf akademik yang mempunyai kepakaran dalam kejuruteraan elektronik telah dan sedang terlibat di dalam program untuk Sijil Kejuruteraan Elektronik dan Sijil Lanjutan Kejuruteraan Elektronik dengan sebuah syarikat multinasional.

PUSAT PEMBELAJARAN GUNAAN DAN MULTIMEDIA

Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (PPGM) ini telah dibuka semula semenjak 1 November 2002 yang mana bertujuan untuk menerajui penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran serta jaminan kualiti akademik untuk kampus UNIMAS di bawah naungan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik).

Perkembangan PPGM semakin meningkat dengan tertubuhnya beberapa unit yang telah bergerak aktif untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dari

peringkat awal lagi. Di antara unit-unit di Pusat Pembelajaran Gunaan Dan Multimedia ialah Unit E-Learning, Unit Jaminan Kualiti, Unit Sokongan Pembelajaran dan Pengajaran dan Unit Pembangunan Staf.

Dalam menjadikan UNIMAS sebuah universiti yang berkualiti dan diiktiraf, beberapa bengkel dan seminar telah diadakan oleh Unit Jaminan Kualiti bagi membantu dan membimbing fakulti di UNIMAS mengenai keperluan dan kriteria yang diperlukan untuk mencapai jaminan kualiti yang telah ditetapkan. Antara bengkel yang diadakan termasuklah Bengkel Jaminan Kualiti yang telah diadakan di Pusat Latihan di Bau. Peserta terdiri daripada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam penyediaan dokumen untuk audit di F/I/B/P masing-masing. Pihak auditan Jabatan Pengajian Tinggi juga telah membuat audit di Fakulti FSS dan FSKTm.

Dalam membawa warga UNIMAS ke arah celik IT dan memperluaskan penggunaan IT dalam pengajaran dan pembelajaran, Unit E-Learning telah mengadakan beberapa bengkel bagi membantu para pensyarah dan pelajar untuk memahirkan diri mereka dalam penggunaan e-Learning dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara bengkel yang diadakan adalah seperti bengkel untuk Modul 1, iaitu, pengenalan kepada e-learning serta modul E-Moderation. Bengkel ini telah dilaksanakan sebanyak 3 kali untuk setiap fakulti yang berbeza. Antara fakulti yang telah mengikuti latihan ini adalah seperti FPSK dan FSTS. Unit E-learning juga telah menerbitkan dua edisi INSIGHT Bulletin, iaitu suatu penerbitan bertemakan Visi Penyelidikan dan Pembangunan di UNIMAS.

PPGM juga telah merangka dan menganjurkan program Diploma Pasca Siswazah dalam Pengajaran dan



Pembelajaran. Program ini adalah untuk memberi lebih mengenai konsep asas dalam teknologi pengajaran dan fungsi serta jenis teknologi pengajaran. Ia juga merupakan usaha untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS. Pada bulan April 2004, kumpulan kedua pensyarah muda seramai 27 orang telah menyertai program tersebut. Beberapa orang pensyarah kanan yang berpengalaman telah dijemput untuk menjadi fasilitator termasuk beberapa orang pensyarah jemputan, seperti Prof. Madya Dr. Yoong Suan dari Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Zarina Samsudin dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr Zoraini Wati Abas dari Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Prof. Madya Dr. Baharuddin Aris dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Tengku Putri Norishah Tengku Shariman dari Universiti Multimedia Malaysia (MMU). Seramai 22 orang pensyarah dari kumpulan pertama yang menamatkan kursus Diploma dan dianugerahkan Diploma masing-masing di Majlis Kecemerlangan UNIMAS 2004.

Unit E-Learning dengan kerjasama The E Factor Sdn Bhd serta Unit Latihan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia , UNIMAS telah menganjur Kursus Bahasa Inggeris untuk sekumpulan pensyarah muda yang berkhidmat dengan UNIMAS. Seramai 17 pensyarah telah berjaya melengkapkan kursus dan dianugerahkan sijil IELTS.

PUSAT PEMAJUAN PELAJAR

Program dan aktiviti PPP dilaporkan dalam bahagian Pemajuan dan Hal Ehwal Pelajar

PUSAT KHIDMAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Sila lihat aktiviti dan sumbangan PKTMK di bahagian Sumber laporan ini.

PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

Sila lihat aktiviti dan sumbangan PKMA di bahagian Sumber laporan ini.



ANUGERAH

ANUGERAH PENYELIDIKAN



Shamsu Mohamad, pensyarah daripada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif telah berjaya mendapat pingat gangsa daripada INPEX USA semasa Pameran INPEX 2004 di Pittsburgh, Pennsylvania USA melalui penyelidikan beliau bertajuk Hydrilla Tasik UNIMAS: Potensinya sebagai Komposisi Gerlis.

Projek E-Bario telah mendapat anugerah E Asia Award di bawah kategori "Bridging Digital Divide". Pemenang-pemenang merupakan pensyarah UNIMAS iaitu Prof Khairuddin Ab. Hamid, Prof Peter Songan, Dr Alvin Yeo, Jayapragas Gnaniah, Hushairi Zen, Poline Bala dan Noor Shah Mohd Salleh. Majlis penganugerahan diadakan semasa eAsia week yang diadakan pada 24 September 2004 di Taipei, Taiwan.

David Lee Kim Sung, pelajar calon PhD FPSK telah berjaya memenangi "Travel Award dan Young Investigator Award" daripada "The American Society of Tropical Medicine and Hygiene" pada perjumpaan tahunan persatuan ke 53 di Miami, Florida, USA. Beliau merupakan salah seorang daripada 43 penyelidik muda yang terpilih menyertai pertandingan "Young Investigators Award" dan telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Human Infections with Plasmodium Knowlesi in Malaysian Borneo". Beliau menerima sijil dan hadiah wang tunai. Kejayaan tersebut sewajarnya memberi inspirasi kepada penyelidik-penyelidik muda UNIMAS untuk mengikut jejak langkah beliau.

Semasa "Annual Scientific Meeting 2004, National Heart Association of Malaysia", pada 16-18 April 2005 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, hadiah ke 3 "Young Investigator Award" telah dimenangi oleh Tay Siow Phing di "Annual Scientific Meeting 2004 of The National Heart Association Of Malaysia". Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk "A Rapid Rise Of Tissue Factor AS a New Diagnostic Marker In Acute Coronary Syndrome And Venous Thromboembolism".

Manakala hadiah ke 5 dan ke 6 dengan pembentangan bertajuk "Watchband Incision Endoscopic Radial Artery Harvesting For Coronary Artery Bypass Graft: A Review Of Initial 80 Cases dan "Microwave Ablation For Atrial Fibrillation In Patients With Mitral Valve Repair" telah dimenangi Dr Mohd Zamrin Dimon di Annual Scientific Meeting 2004 of The National Heart Association Of Malaysia". Kedua-dua mereka merupakan pensyarah dari Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan.

Selain itu, pada 4th Asian & Oceanic Congress of Andrology, 2004, Pulau Pinang, hadiah ke 2 Young Investigator Award telah dimenangi oleh David Lee Kim Sung dengan tajuk pembentangannya " The prevalence of voiding problems in an elderly Iban community, Sarawak, Malaysia-a pilot study".

Dr Ong Teng Aik, pensyarah daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah menggondol tempat pertama Anugerah Dato' Sreenevasan dengan pembentangannya yang bertajuk "The Microbiological Pattern Of Urinary Tract Infection in Serian District Hospital". Penganugerahan tersebut berlangsung semasa "12th Malaysian Urological Meeting 2004".

Dr William Lim Kiong Seng telah dianugerahkan Hadiah Geran Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh berjumlah RM15,000 pada 10 Oktober di Auditorium Ungku Omar, Institute for Medical Research (IMR). Majlis disempurnakan oleh YAB Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. Majlis tersebut adalah anjuran Akademik Sains Malaysia dan Institute for Medical Research (IMR).



SUMBER

Aktiviti pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan khidmat akademik serta pengurusan UNIMAS disokong oleh sumber manusia, sumber maklumat akademik, khidmat teknologi maklumat dan kemudahan infrastruktur yang dirancang, diurus dan disediakan oleh pusat dan bahagian berkenaan di universiti ini.

SUMBER MANUSIA

Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia UNIMAS dikendalikan oleh Bahagian dan Pengurusan Sumber Manusia. Bahagian ini dibahagikan kepada enam unit yang bertanggungjawab mengenai perjawatan, perkhidmatan, cuti belajar, latihan, peperiksaan dan kebajikan staf.

Universiti terus berusaha mengambil staf baru serta mengurus dan mengendalikan latihan sebagai sebahagian daripada program pembelajaran sepanjang hayat bagi staf UNIMAS. Sehingga 31 Disember 2004, sebanyak 1471 jawatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam: 707 jawatan akademik dan 764 jawatan bukan akademik. Seramai 135 staf baru dilantik pada tahun 2004, meningkatkan jumlah staf kepada 1177 orang pada hujung tahun. Daripada jumlah ini,

479 orang adalah staf akademik. Daripada jumlah ini, 479 orang adalah staf akademik menambahkan jumlah professor kepada 21 orang dan professor madya 52 orang.

Seramai 12 orang telah naik pangkat di dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Dua orang staf bersara wajib dalam tahun 2004.

Seramai 7 orang staf akademik dihantar untuk pengajian peringkat Sarjana dan 17 orang ke peringkat Doktor Falsafah menjadikan jumlah 24 orang sedang bercuti belajar. Seramai 14 orang telah ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), 2 orang Bukan SLAB, 6 orang ditaja oleh Japan International Bank Corporation (JBIC) dan 2 oleh tajaan lain (Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman). Seramai 42 orang staf akademik telah balik dari cuti belajar; 29 orang menamatkan pengajian sarjana dan 13 orang Doktor Falsafah. Mereka menambah jumlah bilangan staf yang balik dari cuti belajar kepada 297 orang.

Sebanyak 59 kursus latihan telah dianjurkan di dalam dan di luar kampus untuk meningkatkan produktiviti, motivasi, kepakaran, ilmu dan sikap staf.

Staf Akademik

	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
Profesor	12	14	13	23	26	25	25	26	21
Profesor Madya	28	35	34	38	40	42	44	53	52
Pensyarah	102	127	147	192	215	219	239	261	298
Tutor	118	118	112	107	96	107	125	106	81
Pensyarah Pelatih Perubatan						15	18	16	17
Pegawai pendidikan/ Guru Bahasa						4	3	3	8
Jumlah	260	294	306	360	377	412	454	465	477

PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

Dalam tahun 2004 Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) telah meneruskan tumpuan kepada pendidikan pengguna dengan mengendalikan lebih banyak sesi bengkel kemahiran maklumat. Sesi/bengkel terus dikendalikan samada oleh PKMA sendiri ataupun pembekal/penerbit pangkalan data - pangkalan data yang dijemput untuk memberi taklimat serta bengkel "hands-on" kepada pengguna seperti yang telah dilakukan sepanjang tahun sebelumnya. Sepanjang tahun, sebanyak 7 sesi/bengkel telah dianjurkan samada di PKMA atau di Perpustakaan Perubatan dengan jumlah peserta seramai 1138 orang.

Koleksi PKMA juga makin bertambah walaupun dengan kadar yang rendah memandangkan harga langganan jurnal semakin bertambah dengan kadar yang lebih tinggi tetapi peruntukan yang diterima bagi perolehan bahan tidak berubah iaitu sebanyak 4.25 juta sahaja . Bahan-bahan rujukan dalam pelbagai format seperti buku, media dan jurnal dalam bentuk bercetak dan elektronik terus diperolehi untuk menyokong perkembangan aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan Universiti . PKMA telah memperolehi sebanyak 3615 naskhah buku. Sebanyak 2352 naskhah lagi diterima sebagai hadiah menjadi jumlah koleksi buku pada akhir tahun sebanyak 107,744 naskhah. Jumlah tajuk jurnal bercetak adalah sebanyak 412 sementara eJurnal berjumlah 10,511. 394 set bahan media dalam pelbagai bentuk juga telah diperolehi menjadi 3217 set kesemuanya sementara koleksi tesis telah mencapai angka 1339 naskhah pada akhir tahun.

Koleksi Asia Tenggara terus berkembang dengan perolehan bahan-bahan berkaitan bagi memantapkan lagi koleksi untuk keperluan maklumat pengguna. Koleksi ini telah menjangkau lebih dari 6600 naskhah bahan.

Sumber Akademik bagi tempoh 1993-2004

	1993	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
Buku	12128	63595	70144	73303	78296	91698	97610	102568	107744
Media	-	797	913	953	1,221	1,439	2,682	2,823	3,217
Judul Jurnal (Bercetak & ejurnal)	842	1,577	2,779	2,790	2,925	3,455	6,270	7,200	10,923



Perpustakaan Perubatan juga berkembang dari segi koleksi serta perkhidmatan dan kemudahan yang diberi. Sistem keselamatan juga telah diperolehi bagi menjamin keselamatan koleksi perpustakaan tersebut.

Pembangunan pangkalan data kandungan tempatan, ia itu CAIS Digital juga berjalan lancar. Semakin banyak bahan terutama tesis telah didigitalkan untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data tersebut. Setakat akhir tahun, sebanyak 281 judul tesis , lebih kurang 600 artikel jurnal sudah didigitalkan.

PKMA juga sibuk dengan projek Sistem Perpustakaan Bersepadu bagi kampus tetap. Sistem yang dipilih adalah Millenium yang dijangka akan dilancarkan pada 1 April 2005 di bangunan baru PKMA. Sistem tersebut dijangka lebih efisien serta mesra pengguna dan PKMA beryakinan ianya akan dapat membantu memenuhi hasrat PKMA sebagai pusat maklumat bagi memenuhi keperluan maklumat pengguna di mana sahaja mereka berada.

KHIDMAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



Dalam tahun 2004, Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PKTMK) telah memberi tumpuan kepada aktiviti berikut:

- Projek IT Kampus Tetap
- Proses naiktaraf *Human Resource Management System (HRMS)* dari Versi 5.8 ke Versi 8.4(100 peratus Web Based)
- Memperluaskan penggunaan sistem rangkaian tanpa wayar ke Kolej Kenanga, Kolej Seroja, Bilik Seminar dan Komplek Sukan
- Kajian pembangunan Sistem Pengurusan Penyelidikan dan Kewangan (satu keperluan baru)
- Proses penyelenggaraan sistem-sistem aplikasi dan sistem rangkaian yang sedia ada
- Perolehan Perkakasan IT 2004

Projek IT Kampus Tetap ini merupakan lanjutan dari projek yang telah dimulakan pada tahun 2002. Pada tahun 2004 ini beberapa perubahan telah berlaku. Skop projek telah dikurangkan kepada:

- i) Implementasi projek *Integrated Library System (ILS)*
- ii) Infrastruktur rangkaian
- iii) Penggunaan Kad Pintar (*Combi Card*) untuk *Door Access System*.
- iv) Pembangunan Pusat Data dan Pengurusan Sistem (*Central Computing System*)

Projek ILS - Satu lawatan sambil bekerja ke beberapa Universiti/Pusat Pengajaran Tinggi di Amerika Syarikat telah dilakukan oleh wakil dari PKTMK dan PKMA bersama pihak kontraktor pada 10 - 19 May, 2004. Tempat yang dilawati termasuklah ibu pejabat Innovative Inc. iaitu pembekal sistem *Millenium* yang bakal diimplementasi pada bulan April 2005 nanti. Lawatan sambil bekerja ini telah memberi satu pendedahan dan pengalaman kepada UNIMAS di dalam mempelajari dan memahami sistem baru yang bakal menggantikan sistem lama VTLS yang digunakan ketika ini. Sehingga akhir tahun 2004, proses-proses berikut telah siap dilakukan:

- Beberapa siri latihan (teknikal dan untuk pengguna)
- Penerimaan perkakasan untuk Development,

Production serta commissioning

- 3M System Checks
- Set up databases untuk Millenium
- Proses rekabentuk dan dokumentasi untuk Extended Modules


Infrastruktur rangkaian - Untuk mempastikan warga kampus UNIMAS menikmati kemudahan sambungan ke rangkaian dan internet sepenuhnya, sebanyak 7525 *Datapoints* telah diluluskan. Sehingga penghujung tahun 2004, hampir 7500 Datapoints secara teragih dari jumlah yang ditetapkan telah siap dipasang dan diuji di Bangunan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, MEP, Residential College A, B dan C, CTF1 dan Fakulti Kejuruteraan (Elektronik dan Kejuruteraan Mekanikal).

Penggunaan Kad Pintar

Untuk Fasa pertama ini sebanyak 211 unit pintu telah dikenalpasti oleh Bahagian Pembangunan di mana *Module Door Access* akan dipasang. Kemudahan ini secara langsung akan membantu memantapkan sistem keselamatan fizikal di Kampus Tetap ini. Untuk tujuan ini Kad pintar dari jenis COMBI (*Contact and Contactless chip* dalam satu kad) akan digunakan. Selain dari aplikasi Door Access, Kad pintar ini juga akan digunakan sebagai kad ID untuk staf, kad matrik untuk pelajar dan beberapa aplikasi lain yang menggunakan kad pintar ini seperti *E Purse* akan dibangunkan kemudian. Kad pintar ini akan dijadikan sebagai *multi-purpose card*.

PUSAT DATA DAN PENGURUSAN SISTEM

Pusat Data baru UNIMAS terletak di *Lower Ground Floor* Bangunan CAIS masih di dalam proses penyiapan. Walau bagaimanapun sehingga akhir tahun 2004, *APC Racks* telah diterima dan disusun atur mengikut keperluan kepentingan penggunaan sesuatu server. Kemudahan ini juga akan dapat menempatkan MDNER bangunan Cais dan semua server yang digunakan di dalam semua operasi aplikasi sistem, sistem rangkaian dan sistem pengurusan.



Selain dari itu, perisian Tivoli akan digunakan untuk proses pemantauan dan pengurusan sistem/server yang ada di pusat data itu nanti.

Proses naiktaraf *Human Resource Management System(HRMS)* dari Versi 5.8 ke Versi 8.4(100 peratus Web Based) telah siap dilakukan pada bulan Ogos, 2004. Dari bulan Ogos hingga Oktober, 2004 proses *payroll* secara selari dengan versi lama telah dilakukan. Mulai bulan November, 2004 proses ini telah beroperasi secara "live".

Penggunaan sistem rangkaian tanpa wayar telah diperluaskan ke Kolej Kenanga, Kolej Seroja, Bilik Seminar dan Komplek Sukan. Sebelum ini, sistem rangkaian tanpa wayar hanya dipasang di Bilik Mesyuarat Senat dan Bilik Belian sahaja.

Pada bulan Ogos, 2004 Pusat Penyelidikan, UNIMAS telah mengenalpasti keperluan satu Sistem Pengurusan Penyelidikan di dalam urusan mengurus dan memantau projek-projek penyelidikan yang dilakukan di UNIMAS. Sehubungan dengan itu, CICTS telah menjalankan satu kajian ketesauran dan pencarian fakta akan sistem yang bakal dibangunkan. Justeru itu satu lawatan sambil

bekerja telah diadakan ke Research Management Center(RMC) UTM, Skudai dan Pusat Penyelidikan UKM, Bangi oleh wakil dari Pusat Penyelidikan dan wakil dari PKTMK. Hasil dari lawatan sambil bekerja ini, satu usahasama telah dipersestujui bersama Pusat Komputer, UKM di mana UNIMAS akan menggunakan *architecture* yang ada di UKM untuk dijadikan asas pembangunan sistem ini di UNIMAS. Pembangunan sistem baru ini akan menggunakan teknologi *JAVA* dan *Oracle RDBMS*.

Proses penyelenggaraan sistem-sistem aplikasi dan sistem rangkaian yang sedia ada terus berjalan lancar. Untuk memantapkan keselamatan sistem email dan sistem rangkaian, proses ujian dan penilaian beberapa perkakasan telah dilakukan. Ini termasuklah perkakasan *Anti Spam* seperti *Barracuda* dan perkakasan *Intrusion Prevention System* seperti dari jenama *Top Layer* dan *Net Keeper*. Selain dari itu, untuk Sistem Maklumat Pelajar submodul baru seperti Pendaftaran Kolej untuk Pelajar UNIMAS dan PLKN, Daftar Pilihanraya, Alumni, Tatatertib, Peminjaman dan pemulangan jubah dan Pengurusan Zamalah telah dibangunkan dan diimplementasi. Modul Pengurusan Aset pula telah dibangunkan di bawah IFAS untuk digunakan oleh semua PTJ di UNIMAS.

Perolehan Perkakasan IT 2004

Perkakasan	Kuantiti	Catatan
Komputer Desktop	269	Telah diagihkan untuk keperluan: 1. Pegawai baru melapor 2. Gantian PC yang telah lama.
Komputer Laptop	35	Agihan kepada setiap F/B/P/I bagi tujuan gunasama dan gantian notebook yang lama.
Database Server	1	Database server Sistem Kewangan
File Server	3	Sebagai Web Server dan Application Server kepada system aplikasi di CICTS.
Pencetak Laser	10	Diagihkan kepada F/B/P/I yang memohon. Oleh kerana bilangan yang terhad, agihan dibuat kepada PTJ yang sangat memerlukan dahulu.
Pencetak Warna	15	Diagihkan kepada PTJ yang memerlukan dan memohon.
Line Printer	1	Keperluan Pusat Pengajian Siswazah (PPS).
Pengimbas	1	Keperluan PKMA.
Perisian SPSS	4	Keperluan pensyarah untuk menganalisis data.
Perkakasan Inrusion	1	Keselamatan sistem rangkaian

PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP UNIMAS

Pembangunan kampus tetap Fasa I Peringkat 1 yang dijadualkan siap pada akhir November tahun ini, kini dijangka siap pada pertengahan tahun 2005. Kelewatan ini berlaku antara lain adalah disebabkan aliran tunai kerajaan yang tergendala dan juga masalah bahan binaan dan cuaca di tapak. Dalam pada itu sebahagian bangunan dalam seksyen 1 seperti bangunan kolej kediaman pelajar, bangunan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Blok Fakulti Kejuruteraan telah siap. Namun begitu tanpa peralatan pengajaran dan perabot bangunan tersebut tidak dapat diguna. Tender untuk peralatan pengajaran serta perabot tidak dapat dipanggil oleh kerana masalah aliran tunai yang dinyatakan di atas.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan terdahulu lima fakulti adalah terlibat dalam pembinaan Fasa I Peringkat 1, iaitu Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Selanjutnya terdapat bangunan sokongan seperti Kemudahan Pengajaran Sentral (CTF), Pusat Khidmat Maklumat Akademik (CAIS), bangunan Pusat Pemajuan Pelajar dan lain-lain. Bangunan Canselori setinggi sembilan tingkat bakal menjadi bangunan signitori yang gah, tersergam menghadapi plaza sentral universiti, seakan mengalu-alukan pelawat dan pelajar ke Kampus UNIMAS.

Sementara itu tiga pakej kolej pelajar juga dalam pembinaan. Setiap pakej yang mengandungi tiga kolej pelajar akan dapat memuatkan 1,800 pelajar. Antara tiga pakej tersebut, kemajuan pakej dua adalah mengikut jadual dan dijangka dapat digunakan pada bulan Jun 2005. Sementara pakej satu dan pakej tiga dijangka siap pada akhir tahun 2005.

Pada keseluruhannya pembinaan kampus fasa I peringkat 1 dan ketiga pakej kolej pelajar, berjalan dengan lancar. Namun begitu masalah aliran tunai bermula dari April 2004 berlarutan hingga Oktober 2004 telah menyebabkan kelewatan bayaran lantaran itu sedikit sebanyak telah menyebabkan ketergendalaan kemajuan fizikal. Keadaan telah pulih pada suku terakhir tahun 2004 dan kerja-kerja pembinaan telah kembali lancar berikutnya.

PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET

Penekanan pengurusan bagi tahun 2004 telah diberikan khusus untuk meneruskan penyelenggaraan kampus sementara UNIMAS di Kota Samarahan, kampus kota di Kuching dan kolej-kolej kediaman pelajar yang menggunakan peruntukan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2004.

Dalam aspek Pentadbiran, penyelarasan semula organisasi dilakukan pada awal tahun 2004 termasuk

penggubalan semula carta organisasi, pengemaskinian pentadbiran, pengemaskinian sistem fail dan tumpuan pada bidang tanggungjawab semua unit dan kakitangan berkaitan telah menunjukkan kesan yang ketara pada tahun 2004 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Perkara ini telah dimanifestasikan di dalam peningkatan mutu kerja semasa penilaian prestasi kerja tahunan kakitangan dilakukan pada akhir tahun tersebut.

Dari sudut aspek perolehan, sejumlah 81 buah pembelian terus, 87 sebutharga serta-merta, 37 sebutharga biasa dan 4 tender telah dikendalikan oleh unit ini yang melibatkan perbelanjaan kira-kira RM8.00 juta (80.0 % peruntukan belanja mengurus dibelanjakan). Dari segi prestasi perbelanjaan, ini adalah hampir sama dengan prestasi pada tahun 2003. Gerakan Auditan Dalaman yang dijalankan menunjukkan prestasi stor yang memuaskan. Tiga kali gerakan pelupusan telah dilakukan.

Dari aspek penyelenggaraan pula, sejumlah 36 kerja kecil dilaksanakan (tidak termasuk kerja melalui borang Permohonan Kerja Dalaman, PKD1). Seperti tahun-tahun sebelumnya, halangan biasa yang dikenalpasti ialah permohonan kerja kecil yang tidak terancang oleh klien dan kerja PKD yang mendesak. Keadaan kampus yang usang dan sesak (*overcrowding and over-utilised*) merupakan cabaran utama unit ini, terutama dalam bidang M&E, civil dan telekomunikasi. Usaha untuk memantau keadaan ini cuba dikurangkan dengan melakukan penyelenggaraan secara *zoning* dan *preventive/scheduled maintenance*.

Bidang yang dikendalikan oleh unit perkhidmatan seperti servis kebersihan, servis perumahan, servis kawalan perosak, servis pengangkutan, servis sewaan, servis pengagihan ruang, servis penyediaan *signages* dan servis gunatenaga am berjalan dengan lancar dan teratur. Servis dalam bidang lanskap termasuk pemotongan rumput juga dilaksanakan dengan baik. Unit ini memainkan peranan besar dalam memberi khidmat pada upacara universiti. Tanggungjawab di luar kampus seperti di Kolej Sri Muara, Bau dan di Lot 77 memberi beban tambahan kepada unit ini dan unit penyelenggaraan pada tahun 2004.

Kakitangan teknikal yang ada merupakan kakitangan kerangka (*skeletal and one-to-one basis*). Sebahagian daripada mereka adalah kakitangan bukan teknikal yang menjalankan tugas teknikal. Masalah ini ditambah lagi dengan penambahan kawasan tanggungjawab di luar kampus dan di kampus tetap pada tahun semasa. Perhatian khas perlu diambil bagi persediaan mengambilalih penyelenggaraan di kampus tetap sepenuhnya dan pihak universiti tidak mampu untuk menunggu lebih lama untuk mengatasi masalah ini. Ketika ini masalah inilah yang paling kritikal. Cadangan sistem penyelenggaraan secara *outsourcing* dan keperluan kakitangan teknikal tambahan telah dikemukakan kepada pihak pengurusan universiti untuk dipertimbangkan.

**LAPORAN KEWANGAN
DAN
AKAUN BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA
31 DISEMBER 2004**



LAPORAN KEDUDUKAN KEWANGAN

Perbelanjaan Mengurus

Pendapatan mengurus bagi tahun 2004 berjumlah RM75,940,038 berbanding RM101,207,062 pada tahun 2003, penurunan sebanyak RM25,267,024 (24.97%). Daripada amaun ini sebanyak RM63,000,000 (82.96%) adalah pemberian kerajaan dan 17.04% adalah daripada lain-lain punca seperti yuran pengajian, faedah dan sebagainya. Perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM89,407,353 berbanding RM88,956,970 pada tahun 2003, peningkatan sebanyak RM450,383 (0.51%). Kurangan pendapatan bagi tahun 2004 berjumlah RM13,467,315 berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM12,939,351 pada tahun 2003. Jumlah wang terkumpul pada akhir tahun 2004 adalah sebanyak RM114,219,643 berbanding RM127,686,958 iaitu menurun sebanyak RM13,467,315 (204.08%).

Aset dan Liabiliti

Jumlah Aset Tetap UNIMAS pada akhir tahun 2004 adalah sebanyak RM673,495,841 (daripada kedua-dua punca iaitu Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pengurusan). Amaun ini merupakan peningkatan sebanyak RM260,328,224 (63.01%) daripada tahun 2003. Aset Semasa bernilai RM168,059,982 pada akhir tahun 2004, penurunan sebanyak RM104,799,680 (38.41%) daripada tahun 2003. Sementara itu, liabiliti semasa meningkat sebanyak RM14,463,194 kepada nilai RM58,036,691 (peningkatan sebanyak 33.19%).

Setelah mengambilkira perkara-perkara tersebut di atas, jumlah aset bersih UNIMAS pada akhir tahun 2004 berjumlah RM786,998,987 berbanding dengan RM646,385,143 pada akhir tahun 2003. (Peningkatan sebanyak 21.75%).

Perbelanjaan Pembangunan

Bagi tahun 2004, UNIMAS telah menerima RM169,001,396 sebagai pendapatan pembangunan berbanding RM204,093,763 bagi tahun 2003, penurunan sebanyak 17.19%. Daripada amaun ini sebanyak RM168,607,444 (99.77%) adalah pemberian kerajaan. Perbelanjaan pembangunan di sepanjang tahun 2004 adalah sebanyak RM16,663,322 berbanding RM14,720,846 pada tahun 2003, peningkatan sebanyak RM1,942,476 (13.20%). Ini menghasilkan lebihan pendapatan sebanyak RM152,338,074 yang merupakan penurunan sebanyak RM37,034,843 (19.56%) berbanding tahun 2003. Jumlah wang terkumpul pada akhir tahun 2004 adalah RM614,597,416 berbanding RM462,259,342 pada tahun 2003 iaitu peningkatan sebanyak RM152,338,074 (32.96%). Perolehan Aset Tetap dari Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2004 adalah sebanyak RM109,700,259 berbanding dengan RM4,436,900 pada tahun 2003.



Jabatan Audit Negara
Malaysia

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
彭尼亞特 KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

Penyata kewangan Universiti Malaysia Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Malaysia Sarawak pada 31 Disember 2004, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(BOON JON LIN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 JULAI 2005



**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Kami **TAN SRI DATUK AMAR HAJI BUJANG BIN MOHD. NOR** dan **PROF DR ABDUL RASHID ABDULLAH** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Sarawak pada 31 Disember 2004 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah

Bagi Pihak Lembaga Pengarah

NAMA: **TAN SRI DATUK AMAR HAJI
BUJANG BIN MOHD. NOR**

NAMA: **PROF DR ABDUL
RASHID ABDULLAH**

GELARAN: **PENGURUSI
LEMBAGA PENGARAH**

GELARAN: **NAIB CANSELOR**

TARIKH: 31 Mac 2005

TARIKH: 31 Mac 2005

TEMPAT: Kota Samarahan

TEMPAT: Kota Samarahan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

